



● BIL 264 ● 31 MEI - 6 JUN 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

TUTUP LUBANG TIRIS

▶▶ 3

Apabila Madani
BerBUDI
▶▶ 7

Anak anda mungkin
mangsa pedofilia
▶▶ 9-11

PBAKL 2024
hari raya ulat buku
▶▶ 12-13

Bantu beri kefahaman kepentingan pendidikan

Elak pandang enteng pelajar 'tercicir'

SYED HAZIQUE

PENELITIAN yang terperinci perlu dilaksanakan bagi mencari punca ketidakhadiran seramai 10,160 daripada 383,685 calon baharu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023.

Pakar Akademik, **Profesor Madya Dr Mohd Nazri Abdul Rahman** berkata apabila sudah mengenal pasti punca kepada masalah tersebut barulah ia boleh ditangani dengan lebih berkesan.

"Apakah ia berkaitan dengan masalah disiplin, apakah kerana hilang minat atau keadaan-keadaan yang tidak dapat dielakkan seperti sakit kronik dan sebagainya.

"Setiap perkara pasti ada jalan penyelesaian, jika faktor disiplin membuat mereka tidak dapat hadir, perlu cari kaedah bagi membantu pelajar-pelajar ini.

"Kaedah seperti bimbingan kaunseling, semangat daripada guru-guru bagi memupuk minat belajar adalah antara perkara yang boleh dilaksanakan," ujar beliau ketika dihubungi.

Tambahnya, semua pihak termasuk ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam membimbing pelajar-pelajar untuk memahami kepentingan pendidikan.



MOHD NAZRI

"Pihak sekolah hanya boleh membantu untuk mendidik, memberi kefahaman dan sebagainya dalam menjadikan pelajar seorang insan yang berilmu.

"Namun, guru-guru juga boleh memberi perhatian yang sedikit 'istimewa' kepada pelajar-pelajar yang kurang berminat untuk belajar agar minat itu dapat disemai.

"Dalam pada masa sama, ibu bapa juga perlu memantau perkembangan anak-anak tidak boleh sambil lewa atau ambil mudah, perlu fahami atau ambil peduli keadaan semasa pendidikan mereka," jelasnya.

Mengulas lanjut Mohd Nazri berkata masalah tersebut bukan sahaja memberi impak kepada masyarakat dan negara malah diri pelajar itu sendiri juga pada masa akan datang.

"Kesannya mampu dilihat seperti kesukaran untuk menyambung pelajaran kelak, malah begitu juga dalam alam pekerjaan nanti. Impak jangka masa panjangnya pula mungkin akan lebih teruk seperti terjadinya masalah-masalah sosial yang lebih berat kerana kerumitan ketidakhadiran menduduki SPM ini," katanya.



JUMLAH ketidakhadiran pelajar menduduki peperiksaan SPM 2023 perlu diteliti. - Gambar hiasan

Walau bagaimanapun, beliau memberitahu masih ada sinar harapan buat pelajar tersebut, malah masyarakat jangan terus melabel atau memandang enteng kepada golongan tersebut.

"Mungkin mereka boleh dibentuk dengan memberi jalan penyelesaian alternatif lain seperti memasuki kolej komuniti atau GiatMARA serta menyertai Program Pendidikan Teknikal dan

Latihan Vokasional (TVET).

"Jika mahu bekerja sendiri, beri peluang kepada mereka namun pada masa sama cuba upskill diri dengan mengikuti kursus-kursus yang disediakan kerajaan untuk memperoleh sijil-sijil kemahiran.

"Malah sokongan keluarga serta teman rapat amat penting dalam memberikan panduan serta membentuk masa depan yang

lebih baik buat mereka," ujarinya.

Mohd Nazri menekankan bahawa pendidikan amat penting bagi mencorak keperibadian serta masa depan seseorang pelajar itu.

Baru-baru ini Ketua Pengarah Pendidikan, Azman Adnan, dilaporkan berkata jumlah ketidakhadiran itu perlu ditangani dan diteliti supaya langkah intervensi dapat dilaksanakan.

Orang ramai tidak perlu risau terhadap vaksin AZ

VAKSIN AstraZeneca (AZ) tidak menyebabkan atau tiada kaitan dengan kes serangan jantung, strok dan masalah pembekuan darah yang masih lagi berlaku kini.

Bekas Ketua Pengarah Kesihatan, **Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah** berkata ia kerana tiada lagi program vaksinasi menggunakan AZ sejak kebelakangan ini serta ia tidak digunakan untuk dos penggalak.

Menurut Noor Hisham, kesan sampingan yang dikatakan berkait dengan vaksin AZ adalah kesan darah beku atau Vaccine Induced Immune Thrombotic Thrombocytopenia (VITT).

"Ia adalah penyakit di mana darah membeku bersama dengan sel darah kuning menjadi kurang. Perkara ini hanya berlaku dalam sela masa empat hari hingga empat minggu selepas menerima vaksinasi.

"Orang ramai diminta tidak risau kerana vaksinasi terakhir AZ

telah berlalu bertahun lamanya," katanya.

Malah Noor Hisham turut menegaskan, kes mahkamah yang diuar-uarkan adalah kes yang berlaku di United Kingdom sewaktu pandemik COVID-19, ia bukan berdasarkan kes yang berlaku baru-baru ini.

Sementara itu beliau memaklumkan, Kementerian Kesihatan (KKM) pada waktu itu telah menerima laporan bahawa VITT ini boleh berlaku dalam sela masa empat hari hingga empat minggu selepas vaksinasi.

"Namun yang demikian, vaksin ini masih perlu digunakan untuk program vaksinasi kerana kadar kematian akibat COVID-19 dalam kalangan masyarakat yang tidak divaksin amat tinggi dan ketika itu stok vaksin tidak mencukupi.

"Golongan berisiko tinggi adalah golongan yang pernah mempunyai sejarah pembekuan darah sebelum ini malah golongan berisiko ini tidak dibenarkan



NOOR HISHAM



VAKSINASI terakhir AZ yang diterima rakyat Malaysia telah berlalu bertahun lamanya. - Gambar hiasan

menerima vaksin jenis AZ.

"KKM juga mengeluarkan garis panduan bagi menyaring golongan yang berisiko tinggi bagi tidak menerima vaksin jenis ini dan juga bagi pengesanan awal sekiranya kesan sampingan ini berlaku kesan sampingan susulan imunisasi (AEFI)," ujarinya.

Jelas Noor Hisham, insiden kesan sampingan darah beku juga

sangat rendah iaitu empat kes berlaku dalam setiap satu juta suntikan.

"Jika dibandingkan dengan risiko darah beku dan platelet rendah selepas jangkitan COVID-19 itu sendiri, ia lebih selamat.

"Selepas jangkitan COVID-19, risiko kesan darah beku daripada jangkitan *thrombotic*

thrombocytopenia (TT) ini adalah setinggi 165,000 kes dalam sejuta jangkitan.

"Insiden darah beku dalam kalangan perokok pula adalah lebih tinggi iaitu hampir 1,800 kes dalam sejuta perokok. Tiada lagi kes VITT dikesan dan dilaporkan kini," jelasnya.

Menurut Noor Hisham, kes serangan jantung, *stroke* dan masalah pembekuan darah yang masih berlaku kini adalah disebabkan faktor risiko lain seperti merokok, kolesterol dan kencing manis.

"Orang ramai diminta membezakan antara VITT dengan masalah pembekuan darah yang lain. Kriteria diagnosis VITT mestilah ia berlaku dalam sela masa empat minggu selepas vaksinasi dan perlu ada nilai platelet yang rendah.

"Diagnosis tidak boleh dibuat dengan mata kasar tanpa pemeriksaanan dan pengesahan oleh pegawai perubatan. Kita perlu berhati-hati dengan analisa fakta dan salah tafsir yang akan menyebabkan kekusutan dan kekeliruan dalam kalangan masyarakat," katanya.



JIKA kerajaan tidak melaksanakan subsidi bersasar maka ketirisan akan terus berlaku.

Pengurangan subsidi diesel demi negara Bukan langkah popular

SYED HAZIQUE

PENGURANGAN subsidi bukan langkah popular namun baik demi masa depan negara kerana ia bertujuan untuk meningkatkan kemampunan fiskal dan mengurangkan perbelanjaan kerajaan untuk subsidi.

Mencari keseimbangan antara tanggungjawab fiskal dan kebijakan sosial adalah penting dalam proses membuat keputusan tersebut.

Kerajaan telah pun mempertimbangkan kebijakan isi rumah berpendapatan rendah dan kesan kepada perniagaan kecil yang banyak bergantung kepada diesel untuk operasi mereka.

Dalam masa yang sama, impak ketirisan bahan api juga dapat dikurangkan selain meningkatkan jumlah pendapatan negara yang mampu menstabilkan ekonomi negara.

Ia sekali gus memberi ruang kepada kerajaan untuk membangunkan negara dengan keseimbangan ekonomi yang dapat digapai.

Penganalisis Ekonomi Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abd Latiff** berkata pelaksanaan subsidi bersasar tersebut adalah satu langkah berani yang mampu memberi impak besar buat ekonomi negara.

Menurut Ahmed Razman antara yang dapat dilihat dengan ketara ialah pengurangan masalah ketirisan

yang sering berlaku.

"Jika kerajaan tidak melaksanakan subsidi bersasar, maka soal ketirisan akan terus berlaku dan ia dilihat sebagai satu perkara yang serius.

"Kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengambil satu langkah yang berani bagi memperbetulkan kesilapan lalu dan penuh tanggungjawab bagi menjamin kelangsungan masa depan negara," katanya ketika dihubungi.

Jelasnya lagi, subsidi tersebut juga diberi kepada bukan sahaja golongan yang berkemampuan malah secara tidak langsung kepada warga asing juga.

"Ini yang dikaitkan dengan masalah ketirisan yang berlaku, subsidi hanyalah bantuan kepada

rakyat namun, jika mampu mengapa tidak bayar, malah soal warga asing juga secara tidak langsung mengambil kesempatan ini.

"Oleh kerana itu, ia perlu dielakkan dan langkah ini mampu membantu kerajaan untuk memfokuskan kepada golongan yang selayaknya untuk menerima bantuan subsidi," jelasnya.

Dalam pada itu beliau menegaskan, penjimatan pelaksanaan subsidi diesel ini akan membawa penjimatan sebanyak RM4 bilion setiap tahun kepada kerajaan.

Katanya, penjimatan tersebut boleh digunakan kerajaan bagi

program-program pembangunan negara di samping insentif-insentif kepada golongan berpendapatan rendah.

"RM4 bilion adalah satu jumlah yang sangat besar dapat diijimatkan oleh kerajaan, dengan pelbagai program pembangunan yang dapat dilaksanakan seperti naik taraf hospital, sekolah dan sebagainya.

"Di samping itu, langkah penjimatan tersebut dapat memberi nilai bagi kerajaan untuk membentuk insentif-insentif atau mekanisme membantu golongan berpendapatan rendah," ujarinya.

Ahmed Razman memberitahu walau ia bukan satu langkah popular namun ia adalah langkah yang baik demi masa depan negara.


"Jika dilihat ia sememangnya bukan satu langkah popular namun, ia adalah satu mekanisme yang perlu dilaksanakan demi masa depan negara.

"Apabila kerajaan mampu berjimat, kerajaan mempunyai kewangan yang lebih kukuh, ia sekali gus dapat meningkatkan perkembangan ekonomi negara," kata beliau.

Terdahulu, Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan berkata pemilik kenderaan diesel persendirian bagi individu, petani kecil dan pekebun kecil komoditi daripada golongan B40 dan M40 di Semenanjung, layak mendapat bantuan tunai sebanyak RM200 setiap bulan.

Mereka layak memohon sumbangan tunai kerajaan melalui Program Bantuan Subsidi Madani

HARGA MINYAK DIESEL SELITER GLOBAL SETAKAT 27 MEI



atau BUDI MADANI.

Dalam pada itu, menurut Ahmed Razman, ia merupakan satu mekanisme tepat dalam membantu mengagihkan subsidi kepada penerima yang selayaknya menerima.

"Daripada situ, akan dapat meminimalkan ketirisan yang sepatutnya diberi kepada golongan-golongan yang layak terima.

"Kita lihat ini juga antara langkah secara tidak langsung yang mampu menguatkan lagi kewangan negara apabila subsidi diterima oleh golongan yang layak dan meminimalkan ketirisan," ujarinya.

Dalam Perutusan Negara yang disampaikan pada 21 Mei lepas, Anwar berkata Jemaah Menteri

bersetuju untuk melaksanakan penyasaran subsidi ke atas diesel, sekali gus memberi penjimatan sekitar RM4 bilion setahun kepada kerajaan.

Bagaimanapun penyasaran itu tidak melibatkan pengguna di Sabah dan Sarawak kerana kebanyakan keluarga di sana menggunakan diesel untuk kenderaan harian mereka.

Di samping itu, kerajaan bersetuju untuk meneruskan pemberian subsidi diesel kepada perniagaan tertentu yang menggunakan kenderaan komersial diesel untuk mengurangkan potensi kesan kenaikan harga secara mendadak terhadap barangan dan perkhidmatan.



PEMANJANGAN landasan LTSIP bakal merancakkan kepesatan ekonomi negeri Kelantan. - Gambar hiasan

Pemanjangan landasan LTSIP bukti tak 'pilih bulu'

Kerajaan tepis dakwaan abai negeri

SEPERTI semua sedia maklum, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim (PM) fokus untuk membangunkan ekonomi dan membawa masuk pelaburan ke dalam negara seterusnya memastikan Malaysia disegani di pelosok dunia.

Bagi merealisasikan perkara tersebut, beliau juga memberi perhatian dalam membina hubungan yang baik dengan kerajaan negeri yang diterajui pembangkang agar kesejahteraan rakyat sentiasa terjamin.

Fahaman politik tidak sesekali menjadi penghalang malah peruntukan kepada negeri-negeri tersebut juga tidak diabaikan agar kebajikan rakyat dapat diutamakan.

Namun, pelbagai andaian direka untuk mencetuskan provokasi yang pastinya dilakukan oleh golongan yang

suka menangkuk di air keruh. Tuduhan dilemparkan bagi menampakkan Anwar berat sebelah dengan mengabaikan negeri pembangkang.

Biarpun pelbagai bukti dapat dilihat bahawa tiada istilah 'pilih bulu' namun ia tetap dipandang sebelah mata oleh golongan yang suka melaga-lagakan antara satu sama lain.

Buktinya, terbaharu menerusi Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, Anwar telah meluluskan pemanjangan landasan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) kepada 2,800 meter.

Jelas di sini beliau tidak pernah meminggirkan rakyat negeri Kelantan. Malah perkara tersebut turut dipersetujui oleh Kabinet pada mesyuarat baru-baru ini.

Ia sudah semestinya membawa kegembiraan kepada rakyat di negeri tersebut sekali gus

menunjukkan keprihatinan Anwar menangani kesulitan ekoran permintaan trafik yang meningkat.

Memetik laporan media, Setiausaha Majlis Pimpinan Negeri (MPN) KEADILAN Kelantan, Zinda Khalil Sastro Hassan, pemanjangan landasan berkenaan akan merancakkan lagi kepesatan ekonomi dan industri pelancongan negeri Kelantan dalam jangka masa panjang.

"Sejak tahun lalu ketika PM mengarahkan pelbagai projek segera dilakukan termasuk tebatan banjir dan naik taraf bekalan air buat rakyat Kelantan, tahun ini permintaan menjadikan lapangan terbang antarabangsa pula diluluskan tidak sampai dua tahun Kerajaan MADANI berkuasa.

"Mewakili KEADILAN Kelantan, saya menzahirkan jutaan terima kasih kepada PM atas kelulusan berkenaan kerana

ia jelas membuktikan semangat federalisme diterapkan dalam aspek pembangunan infrastruktur berkepentingan rakyat," katanya.

Difahamkan projek berkenaan akan disegerakan dan dimasukkan dalam fasa dua projek naik taraf dan pembesaran LTSIP yang kini sedang berjalan pesat.

Zinda Khalil turut berharap limpahan ekonomi yang akan dinikmati rakyat Kelantan dapat mengubah landskap politik negeri tersebut sekali gus menaikkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri setanding dengan negeri lain.

"Pandangan jauh Perdana Menteri mengimbangi pertumbuhan ekonomi di negeri Pantai Timur dan Barat menunjukkan keseriusan beliau membantu apa sahaja demi keadilan dan aspek tatakelola yang diterapkan," katanya. 

Kaji dahulu sejarah sebelum dakwa UiTM akademi apartheid

KECOH dakwaan bekas wartawan veteran bukan Melayu baru-baru ini yang melabelkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai akademi apartheid. Penggunaan istilah tersebut telah mencetuskan polemik menggugat sensitiviti terutama warga UiTM dan orang Melayu Bumiputera.

Namun begitu, menggunakan isu itu untuk menembak UiTM secara semberono jelas bermotifkan sesuatu. Ia seolah-olah sengaja mahu membangkitkan sentimen 3R (agama, kaum dan Raja) serta mencabar Perlembagaan.

Isu mempersoalkan status UiTM ini bukan sekali dua dibangkitkan, malah sudah acap kali diperjelaskan. Namun, masih ada yang buat-buat tidak faham

dan sengaja mempolemikannya.

Membalas kepada isu atau dakwaan ini, UiTM menyelar fahaman mereka yang mendakwa universiti itu sebagai akademi apartheid malah menyifatkan individu itu tidak memahami sejarah UiTM.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Shahrin Sahib @ Sahibuddin berkata sejak negara mencapai kemerdekaan, sistem pendidikan Malaysia semakin mencapah.

Ini jelasnya dapat dilihat apabila kerajaan membenarkan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 termasuklah Akta UiTM atau Akta 173.

"Saya boleh katakan peluang

pendidikan hari ini lebih daripada apa yang masyarakat memerlukan, peluang pendidikan itu sangat luas jadi tak timbul orang yang dinafikan haknya.

"Tidak timbul label (menggelar UiTM akademi apartheid) tapi kalau orang (itu) mencari kesalahan dan kepincangan mana-mana sistem maka mereka akan berkata atas kefahaman (diri).

"Jadi sebelum kita berkata-kata, pastikan kita faham dan mencari maklumat sebenar," katanya selepas ditemui pemberita selepas membentangkan kertas kerja Teknologi dan Media Sosial Dalam Membentuk Minda Madani sempena Konvensyen Madani Melaka di sebuah hotel di Ayer Keroh, Melaka, baru-baru ini.

Selain itu, isu mengaitkan UiTM dengan amalan sistem apartheid yang membawa maksud sistem diskriminasi secara ras dan pengasingan kaum, adalah tuduhan berniat jahat.

Sistem Apartheid adalah suatu dasar segregasi kaum yang zalim sehingga memuliakan kaum orang putih berbanding orang kulit hitam di Afrika Selatan.

Mengulas lanjut, Shahrin berkata UiTM amat jelas dengan fungsinya dalam konteks kerjasama di semua peringkat sehingga ke pelbagai syarikat multinasional dalam dan luar negara.

"UiTM langsung tidak mendidik dari segi kefahaman pensyarahnya mahupun anak didiknya (mengenai diskriminasi) jauh sekali, tidak langsung tergambar," katanya. 

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

24/5 - 2/6: PBAKL 2024 @ WTCKL

16/6/24: Kuala Lumpur 10K Race 2024 @ Conquer The City

29 - 30/6/24: Gema Kesenian Cina Malaysia @ MaTiC

20/7/24: Quby Run @ Kepong Metropolitan Park



PUTRAJAYA

22/6/24: Conquer The Miles @ Dataran Wawasan

13/7/24: IJN Run For Your Heart 2024 @ Anjung Floria Putrajaya

27/7/24: Ecotrail Putrajaya

1 - 31/10/24: Jom #BEATNCDS 2024



LABUAN

28/1 - 30/6/24: Labuan Diving Festival 2.0

17-18/8/24: Labuan 3 Trails @ Palm Beach Resort & Spa

15/9/24: Pearl Of Borneo Run 2024 @ Labuan International Sea Sport Coomplex




TEKUN lahir usahawan jutawan Bumiputera

SEJAK penubuhannya lebih 30 tahun lalu, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional gigih menabur bakti dengan memperbanyakkan golongan peniaga kecil yang memerlukan pembiayaan sebagai usaha untuk mengubah kehidupan mereka.

Selari dengan Agenda Ekonomi MADANI dan menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bertekadkan menoktahkan kemiskinan, acuan yang telah diletakkan berupaya membantu kumpulan sasar untuk dibentuk sebagai usahawan kecil dan kemudian digilap untuk menjadi lebih berjaya di masa akan datang.

Menerusi rekod yang ada, TEKUN telah berjaya membentuk kumpulan jutawan yang akhirnya bersedia untuk membantu usahawan yang lain.

Namun sebagai sebuah agensi, ia tidak terlepas daripada isu hutang lapuk yang membelenggu sejak sekian lama. Berbekalkan cita-cita serta strategi ampuh, Pengerusnya, **DATUK ABDULLAH SANI ABDUL HAMID** mendedahkan kepada Wartawan Kanan Wilayahku, **AZLAN ZAMBRY**; juruvideo, **AMINULLAH FARIJ HASSAN** dan jurufoto, **SHUAIB AYOB** sasaran untuk mengurangkan masalah berkenaan hingga menjadi satu digit sahaja di pejabatnya baru-baru ini.



Dalam tempoh setahun menjadi Pengerusi TEKUN, apakah masalah yang Datuk lihat dan usaha untuk mengatasi?

Sejak menjadi Pengerusi dan berpeluang untuk melihat dan meneliti setiap aspek agensi ini, ada banyak kelompongan dari segi pembiayaan dan bagaimana untuk membantu mereka yang hendak mula berniaga tanpa ada masalah birokrasi, yang kedua untuk meningkatkan pendapatan dan menyeragamkan kekuatan dalaman dan luaran agensi.

Saya mengambil pendekatan bahawa sesuatu itu mestilah bergerak secara dalaman dan ia telahpun dilunaskan mengikut jadual dan golongan peniaga kecil disantuni di setiap daerah melibatkan 222 kawasan Parlimen dan Pejabat Cawangan TEKUN sebanyak 174.

Bagaimana TEKUN dapat membantu golongan peniaga kecil yang bertambah khususnya selepas COVID-19 dan hingga kini?

Sebelum ini terdapat 17 syarat sebelum permohonan pembiayaan diluluskan tetapi kita telah minimumkan menjadi empat syarat sahaja sebagai usaha untuk memudahkan urusan tersebut. Ia akan meletihkan sekiranya banyak syarat yang dikenakan.

Jika dilihat belum ada sejarah kita memberikan pembiayaan sebanyak RM1.1 bilion dan tahun 2023 selepas saya masuk, ia bertambah dengan drastik dan merupakan petanda bahawa petunjuk prestasi utama (KPI) TEKUN untuk memberikan pembiayaan secara menyeluruh kepada golongan yang perlu dibantu.

Menerusi rekod dari Januari sehingga April, kita telah menyalurkan dana RM800 juta dan ia menuju sasaran yang ditetapkan serta boleh diterjemahkan sebagai kesungguhan TEKUN untuk

membantu masyarakat Bumiputera dan kaum India untuk melebarkan lagi perniagaan dan meningkatkan pendapatan masing-masing.

Bagaimana TEKUN menguruskan masalah hutang lapuk peminjam?

Hutang lapuk atau paras hutang tidak berbayar (NPL) yang direkodkan adalah RM380 juta bersamaan 12.7 peratus. Disebabkan oleh penyalahgunaan kuasa ketika pembiayaan itu diberikan sebelum ini dan kita tahu jumlah keseluruhan pinjaman melepasi NPL sudah menjangkau RM1.1 bilion.

Lanjutan itu, kita sedang berusaha untuk mengutip semula pinjaman dan yakin dapat mengatasi masalah tersebut menerusi yang masih disimpan dan ia dapat membantu kita untuk mengutip balik pinjaman.

Pendekatan yang drastik telah diambil dan dari bulan Januari 2024 sahaja, kita telah melepasi jumlah kutipan melebihi RM37 juta daripada jumlah asal iaitu RM137 juta, bulan Februari TEKUN berjaya mengutip RM22 juta pada tahun 2023. Begitu juga dengan Mac dan April yang kebetulan Ramadan menyaksikan perbezaan RM6 juta tetapi pada April telah meningkat semula kepada RM22 juta.

Kesungguhan pegawai dan kakitangan TEKUN cukup luar biasa dan kita turut mensasarkan kadar NPL mestilah dikurangkan peratusnya kepada satu digit sahaja.

Jika dahulu ada dakwaan TEKUN dijadikan alat politik untuk membiayai aktiviti penggerak politik di peringkat bawahan, adakah ia masih begitu?

Saya ada bukti untuk mengesahkan perkara itu berlaku, tetapi apabila memegang jawatan ini, saya tidak akan benarkan sesiapa yang menyalahgunakan kedudukan mereka dan tidak akan

melayan mana-mana kumpulan yang cuba menggunakan platform politik untuk mempengaruhi saya dalam memberikan wang kepada mana-mana pihak tanpa mengira dasar yang telah disediakan.

Sekiranya layak, maka permohonan itu mestilah diproses dan pembiayaan akan disalurkan. Sekiranya tidak layak, walaupun disokong oleh siapapun, mereka tidak akan diberikan keistimewaan itu. Itulah prinsip yang dipegang dan ia berterusan sehinggalah khidmat saya ditamatkan.

Selain daripada pembiayaan perniagaan, apa lagi bentuk bantuan untuk usahawan kredit mikro ini?

TEKUN telah melahirkan ribuan jutawan dan sejak ia ditubuhkan pada 9 November 1998, kita telah memberikan pembiayaan kepada 580,000 usahawan dan setelah mereka nampak berjaya, cekap dan komited, maka TEKUN akan membuat pengesyoran dan sokongan dalam bentuk geran yang dipelopori oleh SME Corp, SME Bank dan Bank Rakyat. Dari situ ia akan diberikan peluang kepada usahawan untuk mendapatkan barangan yang mereka perlukan.

Ada perusahaan dodol di Melaka memerlukan mesin bernilai RM520,000 yang mampu menghasilkan ribuan paket sehari. TEKUN akan membantu usahawan seperti itu untuk mendapat geran untuk terus berjaya.

Keduanya, kita turut berikan kredit untuk memasarkan produk mereka dan untuk sijil halal, kita akan berusaha dan pastikan pengusaha memohon kerana memudahkan ia dijual di luar negara. Pemantauan berterusan juga dilakukan oleh pegawai-pegawai TEKUN di setiap daerah melalui 174 cawangan bagi mengenal pasti masalah sekiranya ada usahawan yang bermasalah untuk berkembang.

Adakah usahawan selain daripada sektor makanan yang memperoleh pembiayaan TEKUN?

Bukan sahaja dalam sektor makanan, bahkan ada dari sektor pembuatan, pertanian, penternakan malah pembinaan dan ia dibenarkan untuk mendapatkan pembiayaan termasuklah jenis *mobile* iaitu usahawan e-hailing dan penghantar makanan yang TEKUN bantu dengan memberikan motosikal dengan jumlah RM5,000 dan ke bawah seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri.

Kita juga telah memberikan bantuan kepada pelajar-pelajar universiti malah pegawai TEKUN turut ke kampus-kampus untuk memberikan taklimat kepada mereka dan menggalakkan mereka berniaga.

TEKUN turut memberikan peluang kedua kepada banduan-banduan yang baru dibebaskan itu untuk memulakan kehidupan baharu dengan berniaga. Begitu juga dengan veteran tentera, suri rumah dan usahawan dalam talian.

Kita juga telah membantu seorang pengusaha bengkel motosikal di Kamunting bernama Fendi yang memohon pembiayaan TEKUN sebanyak tiga kali untuk membesarkan lagi bengkelnya dan sekarang ini telah mempunyai 11 orang mekanik dan pendapatan sebulan minimum RM1.5 juta.

Datuk ada sebutkan pembiayaan ini diberikan kepada bekas banduan, adakah individu yang disenarai hitam dan mufli, berpeluang mendapat bantuan TEKUN?

Dalam syarat TEKUN ini memang tidak boleh mufli, seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri untuk menghapuskan status mufli itu. Jika di dalam sistem sudah nyah hapus status mufli mereka boleh mohon pinjaman. Jika disenarai hitam

CTOS atau CCRIS itu, kita masih boleh bantu dan rangkakan penyelesaian. Namun jika sudah disenarai hitam dan sengaja enggan membayar pinjaman terdahulu, itu memang kita tidak benarkan kerana risiko tidak bayar pinjaman TEKUN itu tinggi.

Kita juga mendapati kebanyakan individu ini, apabila memohon pinjaman, ia tidak gunakan untuk berniaga, bahkan untuk melepaskan kesempitan kewangan pada ketika itu sahaja. Itu juga kita berhati-hati kerana TEKUN tidak boleh mengizinkan individu mengambil peluang ini untuk menyelesaikan masalah sementara. Kita juga tidak boleh cemarkan imej TEKUN ini dan dilihat seperti ceti.

Apakah aspirasi Datuk selaku pengerusi untuk mengemudi TEKUN untuk 10 tahun ke hadapan?

Setakat ini kita telah menerima 18 anugerah di peringkat antarabangsa yang telah mengiktiraf peranan dan tugas yang dimainkan oleh TEKUN dan berjaya menjadi contoh kepada negara-negara membangun yang lain. Baru-baru ini juga kita telah ke Kemboja untuk menerima anugerah agensi pembiayaan terbaik di Asean.

Seperti mana yang dirungkai dalam objektif penubuhan, aspirasi untuk menoktahkan kemiskinan ini benar-benar berjaya dilaksanakan dan kita buka ruang itu kepada golongan yang memerlukan. Contohnya menerusi Tekun Teman Niaga, ia tidak memerlukan dokumen sebaliknya komitmen lima orang berkumpul dengan dana awal RM5,000. Dari situlah saya dapat lihat banyak manfaat dan kita boleh laksanakan dasar membasmi kemiskinan itu.

Untuk 10 tahun akan datang, saya mahu lihat agensi ini terus berdiri megah sebagai agensi pemangkin kepada rakyat untuk keluar daripada kemiskinan.

Tiga jalan dikenali Presint Fesyen dan Tekstil

Lokasi pameran kekayaan budaya

AZLAN ZAMBRY

JALAN Tuanku Abdul Rahman (TAR) serta Jalan Melayu dan Jalan Bunus yang menjadi tumpuan industri fesyen dan tekstil di Kuala Lumpur bakal dikenali sebagai Presint Fesyen dan Tekstil.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) **Dr Zaliha Mustafa** berkata selama beberapa dekad kawasan ini telah menjadi pusat kepada pemandangan tekstil di Kuala Lumpur dengan menampilkan pelbagai jenis fabrik, busana tradisional, barang kemas dan sebagainya.

Katanya lagi, kawasan itu juga merupakan pasaran pelbagai budaya yang dapat ditonjolkan sekai gus ini mencerminkan kekayaan budaya di Malaysia.

“Untuk memastikan kepentingan kawasan ini terus terserlah, adalah penting untuk kita melaksanakan sedaya usaha untuk memelihara dan turut mempromosikannya secara bersama-sama.

“Sehubungan itu, saya menyokong penuh usaha untuk menjadikan Pusat Bandar Kuala Lumpur sebagai daerah kreatif

dan kebudayaan serta kawasan ini sebagai Presint Fesyen dan Tekstil,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Pelancaran Program Geran Kreatif KL di Semua House di sini pada Selasa.

Hadir sama Pengerusi MyCreative Venture, Datuk Bakhtiar Wan Chik dan Pengarah Urusan Think City, Hamdan Abdul Majeed.

Menurut Zaliha, usaha menjadikan kawasan tersebut sebagai Presint Fesyen dan Tekstil adalah bertepatan dengan keunikannya di mana semua barangan fesyen dan tekstil Malaysia dapat diperoleh di situ.

“Konsep seperti ini telah pun berjaya dilaksanakan di pelbagai negara yang telah mengangkat kawasan mereka sebagai destinasi kreatif seperti di East London dan Kampung Gelam di Singapura.

“Saya amat mengalu-alukan usaha untuk merejuvenasi Kuala Lumpur sebagai sebuah daerah kreatif dan kebudayaan yang dirujuk sebagai Kuala Lumpur Creative and Cultural District atau

KLCCD,” katanya.

Beliau berkata Kuala Lumpur sebagai ibu kota negara bukan sahaja perlu memberi fokus kepada pusat ekonomi semata-mata, tetapi juga boleh dinaik taraf sebagai hab budaya dan kreativiti yang dinamik.

“Kita perlu untuk memastikan bandar Kuala Lumpur terus relevan dan berdaya saing di persada antarabangsa dengan menampilkan keunikan melalui pembaharuan dan memperkaya warisan budaya serta potensi bandar Kuala Lumpur yang seterusnya akan menjadi daya tarikan kepada pelancong domestik dan antarabangsa,” katanya.

Menurut Zaliha selaras dengan Kerangka Ekonomi MADANI yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri, inisiatif ini akan dapat meningkatkan siling dengan mempromosikan industri kreatif, menyokong inovasi dan memupuk keusahawanan di Pusat Bandar Kuala Lumpur.

Katanya usaha-usaha pemangkin dalam menyengarkan semula Pusat Bandar Kuala Lumpur yang digerakkan oleh Think City dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam mewujudkan sebuah bandar yang lebih rancak dan mampan.

“Sukacita, saya ingin kongsi bahawa pihak kerajaan akan memainkan peranan proaktif dalam melaksanakan projek-projek *flagship* dengan meningkatkan dan menyelaras usaha untuk memastikan ia mencapai potensi penuh dalam memberikan hela nafas baharu kepada Pusat Bandar Kuala Lumpur agar menjadi destinasi kreatif bertaraf dunia.



ZALIIHA bersama Hamdan ketika Majlis Pelancaran Program Geran Kreatif KL di Semua House pada Selasa.

“Usaha penjaan semula dan pembaharuan ini menyumbang kepada peningkatan *branding* dan kedudukan Kuala Lumpur di persada antarabangsa serta akan mengukuhkan lagi kedudukan Kuala Lumpur sebagai pemain utama dalam ekonomi global,” katanya.

Zaliha berkata inisiatif yang sedang dilaksanakan itu merupakan antara persediaan Kuala Lumpur dalam menghadapi Tahun Kepengerusian MYASEAN pada tahun hadapan dan Tahun Melawat Malaysia pada tahun 2026 nanti.

“Menghadapi Tahun Melawat Malaysia 2026, kerajaan menganggarkan seramai 35.6 juta pelancong dengan *anticipated tourism revenue* sebanyak RM147.1 bilion.

“Sehubungan itu, adalah penting untuk Kuala Lumpur sebagai pintu masuk negara dapat menawarkan sesuatu seperti yang dilaksanakan oleh Think City dan

DBKL ini kepada pelancong yang datang ke Malaysia nanti,” katanya.

Tambah Zaliha program Geran Kreatif KL yang dilancarkan merupakan antara inisiatif penting di bawah kelolaan Think City.

“Sebanyak RM 20 juta telah diperuntukkan untuk inisiatif ini dalam Belanjawan 2024 yang lalu.

“Program Geran Kreatif KL ini perlu melibatkan penyertaan aktif komuniti dan pelbagai pihak bagi memastikan pendekatan merejuvenasi Pusat Bandar Kuala Lumpur yang penuh dengan sejarah ini dilaksanakan secara bersama-sama.

“Melalui usaha seperti ini, saya berharap agar kawasan ini dapat dinaik taraf sebagai pusat kebudayaan dan kreativiti, sekali gus dapat menarik lebih ramai pelawat, pelabur dan juga penduduk untuk berkunjung dan menikmati keunikan budaya Malaysia di ibu kota negara ini,” katanya. 



68 notis kompaun dikeluarkan

SEBANYAK 68 notis kompaun telah dikenakan kepada pemilik kenderaan berat dalam satu operasi bersepadu yang turut disertai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bersama agensi penguat kuasa lain.

Dalam hantaran di Facebook, DBKL menerusi Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Perancangan Infrastruktur dan Jabatan Integriti dengan kerjasama rakan agensi penguatkuasaan dari Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah melaksanakan Operasi Bersepadu Bersih (Ops Bersih) Siri 2 Tahun 2024 di Lebuhraya Hubungan Timur-Barat dekat Taman Connaught Kuala Lumpur pada Selasa.

“Ops Bersih merupakan

gabungan tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan secara bersepadu bersama agensi sahabat melibatkan kenderaan persendirian atau kenderaan perdagangan yang melakukan kesalahan am trafik.

“Selain itu, operasi tersebut turut merangkumi pemeriksaan tahap kebersihan kenderaan, pencemaran asap dan permit laluan kebenaran mengangkut bahan (batu, tanah, kayu, simen, batu-bata, kaca, jubin dan lain-lain) yang melalui mana-mana jalan awam sekitar pusat bandar Kuala Lumpur.

“Ia juga termasuk pemeriksaan ke atas pemandu kenderaan yang melakukan kesalahan seperti cucai jalan tamat tempoh, tiada lesen memandu dan lain-lain kesalahan am mengikut bidang kuasa di bawah agensi masing-masing,” katanya.

Menurut DBKL, dalam Ops

Bersih kali ini, sebanyak 98 buah kenderaan diperiksa dan pihaknya telah mengeluarkan sejumlah 21 notis kompaun ke atas pelbagai kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Pengangkutan Bahan (WPKL) 1997 dan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974.

“Manakala pihak PDRM mengeluarkan 21 notis kompaun, pihak JPJ pula 23 notis kompaun dan SWCorp turut mengeluarkan tiga notis kompaun di atas pelbagai kesalahan kepada individu atau pemilik kenderaan yang telah melakukan kesalahan lalu lintas,” katanya.

Tambah DBKL, tindakan khas ini dilakukan mengikut prosedur operasi standard (SOP) dan peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan DBKL serta rakan agensi berkenaan dan Ops Bersih akan diteruskan di lokasi tumpuan (*hotspot*) lain selepas ini. 



OPS Bersih Siri 2 Tahun 2024 yang dijalankan di Lebuhraya Hubungan Timur-Barat dekat Taman Connaught Kuala Lumpur pada Selasa.

Apabila Madani BerBUDI kepada rakyat



ZULKIFLI SULONG

HAMPIR kesemua bekas Perdana Menteri (PM) Malaysia telah mengisytiharkan bahawa orang paling banyak menikmati subsidi yang disediakan oleh kerajaan adalah orang kaya.

Ini kerana, merekalah yang mempunyai segala kemudahan untuk menikmati subsidi tersebut. Yang paling ketara adalah subsidi tenaga elektrik, diesel dan juga petrol.

Ketika si miskin dan golongan pertengahan hanya memiliki sebuah motosikal hingga ke kereta di bawah 1500 cc, golongan mahakaya mempunyai lima hingga 10 buah kereta yang diperuntukkan untuk diri dan setiap ahli keluarganya.

Si miskin berkongsi motosikal dan berbelanja RM10 seminggu atau sehingga RM40 sebulan untuk membeli petrol, ahli keluarga si mahakaya pula keluar dengan kereta mewah masing-masing dan menggunakan diesel atau petrol yang disubsidikan oleh kerajaan. Mereka berbelanja RM500 hingga RM1,500 sebulan untuk setiap kenderaan mewah mereka. Bayangkan berapa jumlah belanjanya dan jumlah subsidi yang diberikan kerajaan untuk

mereka.

Inilah faktanya yang dipersetujui oleh semua Perdana Menteri Malaysia yang masih hidup hingga kini. Dari PM ke-7 Datuk Seri Najib Razak hinggalah ke PMX, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hampir kesemua PM ini melaksanakan pemotongan subsidi dan cuba untuk membuat subsidi bersasar dan cuba membayar balik pemotongan subsidi ini kepada golongan rentan. Namun apa yang cuba dilakukan PMX yang paling jelas subsidi bersasanya.

Tidak lama lagi, subsidi diesel akan ditarik balik. Selepas itu, harga subsidi petrol RON95 pula akan tarik balik. Ini bermakna, harga diesel dan RON95 akan melonjak tinggi di pasaran selepas harganya diapungkan tanpa subsidi kerajaan.

Semua pengguna diesel akan berdepan masalah kenaikan harga diesel daripada nelayan yang menggunakan diesel untuk mencari rezeki di laut atau pengguna motosikal Honda kapcai sehinggalah kepada tauke besar syarikat pengangkutan.

Dalam keadaan biasanya, apabila subsidi ditarik, harga barangan berkenaan akan melonjak naik. Yang dibimbangi oleh rakyat kebanyakan pula adalah kenaikan harga barangan dan perkhidmatan yang mempunyai rantaian dengan kedua-duanya, diesel dan petrol.

Inilah yang disedari oleh Kerajaan MADANI pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Maka lahirlah pelbagai pendekatan

untuk mengawal kesan negatif kepada golongan yang sepatutnya dilindungi oleh kerajaan ini.

Untuk pelaksanaan penarikan subsidi diesel, kerajaan memperkenalkan apa yang dinamakan sebagai BUDI MADANI. Melalui skim ini, rakyat yang terlibat secara langsung dengan penggunaan diesel akan mendapat bantuan kerajaan secara langsung termasuk bantuan bulanan.

Menurut laman webnya, BUDI MADANI ialah wadah Kerajaan MADANI memastikan peruntukan subsidi disasarkan kepada golongan yang layak. Belanjawan 2024 yang diumumkan komited untuk menyasarkan semula subsidi bahan api bagi mengekang aktiviti penyeludupan dan ketirisan subsidi rakyat.

Bagi memastikan kebajikan majoriti rakyat terus terpelihara, BUDI MADANI diperkenalkan sebagai platform penyasaran semula subsidi hanya kepada yang memerlukan. Kenderaan pengangkutan barangan darat tertentu terus mendapat subsidi bagi mengawal harga barangan, manakala individu terpilih diberikan bantuan tunai bagi membendung kenaikan kos sara hidup.

Ada tiga golongan yang mendapat manfaat iaitu MySubsidi Diesel untuk pengangkutan darat, BUDI Agri-Komoditi untuk petani dan pekebun kecil dan BUDI Individu yang berupa bantuan tunai kepada pemilik kenderaan

diesel individu.

Ada yang bertanya, apa bezanya PMX dengan PM sebelum ini. Yang paling ketara hampir kesemua PM melaksanakan dasar menarik balik subsidi tetapi hanya kerajaan di bawah PMX sahaja yang memberikan balik subsidi yang ditarik itu kepada golongan yang terkesan akibat penarikan subsidi ini secara jelas.

Sekarang ia dilakukan melalui Program BUDI MADANI sebagaimana yang disebut di atas. Sebelum ini, apabila kerajaan

ini melaksanakan penarikan subsidi tenaga elektrik, harga elektrik yang digunakan oleh golongan bawah dan pertengahan kekal ketika harga elektrik golongan mahakaya meningkat naik.

Inilah yang dikatakan subsidi bersasar, memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan bantuan. Inilah sebenarnya peranan sebuah kerajaan.

INI sekadar pandangan penulis, bukan untuk membodek, sekadar memberi pandangan.



Inisiatif bantu peniaga



Kuala Lumpur kedua terbaik

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) secara aktif berterusan bertindak terhadap premis perniagaan yang beroperasi tanpa lesen.

Pertumbuhan gerai yang tidak menurut peraturan ini mencemarkan persekitaran kerana gerai dibina sesuka hati dalam pelbagai bentuk, saiz serta mengganggu kelancaran pergerakan orang ramai atau kenderaan di kawasan berkenaan.

Kerana itu tindakan tegas diambil termasuk merobohkan gerai niaga terlibat. Antaranya di Bazaria Wangsa Maju, Kampung Baru, Jalan Petaling dan lain-lain. Ramai yang menyambut baik langkah DBKL ini.

Para peniaga terlibat tidak harus menyalahkan DBKL kerana ia hanya melaksanakan tanggungjawab seperti diperuntukkan undang-undang. Perniagaan mesti sah dan berlesen.

Pada hemat kawan-kawan Kedai Kopi ramai minat berniaga tetapi tidak melalui saluran yang betul. Mereka mendakwa sudah beberapa kali memohon lesen namun tidak mendapat jawapan dan mendorong

mereka berniaga secara tidak sah.

Barangkali dalam isu ini DBKL boleh memberi penjelasan tentu ada sebab tertentu jika permohonan lesen mengambil masa, misalnya daripada segi kesesuaian lokasi serta menapis latar belakang pemohon.

Pada pandangan kawan-kawan Kedai Kopi, mereka yang minat berniaga seharusnya diberi peluang dengan syarat ia dijalankan menurut peraturan. Antara langkah diambil ialah 'memutihkan' mereka agar boleh beroperasi secara halal.

Ini bertepatan dengan kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa bahawa DBKL akan melakukan pemutihan terhadap 165 penjaja tanpa lesen di Bazaria Wangsa Maju menurut syarat ditetapkan di bawah Inisiatif Lestari Niaga.

Program Lestari Niaga membolehkan semua penjaja tidak berlesen ditawarkan lesen untuk berniaga di mana-mana lokasi berdekatan. Usah terlalu berkira dengan lokasi. Yang penting diberi peluang untuk terus berniaga.

KAWAN-KAWAN Kedai Kopi tumpang bangga apabila Kuala Lumpur diiktiraf sebagai bandar raya kedua hebat di Asia Tenggara seperti tersenarai dalam Indeks Bandar Global Oxford Economics 2024. Berada pada kedudukan pertama ialah Singapura.

Berdasarkan senarai tersebut juga, ibu negara berada pada kedudukan 135 daripada 1,000 bandar di dunia yang berada dalam indeks berkenaan. Kuala Lumpur mengatasi bandar raya lain, antaranya Bangkok di tempat ke-192, Manila (256) dan Jakarta di tempat ke-284.

Sekadar rekod, bandar raya New York, Amerika, menduduki tempat pertama dalam indeks global berkenaan, diikuti London dan San Jose, juga di Amerika. Kajian indeks berdasarkan kepada 1,000 bandar raya dunia di 163 negara.

Lima kategori terangkum dalam penilaian indeks berkenaan merangkumi ekonomi, modal insan, kualiti kehidupan, alam sekitar dan tadbir urus. Skor daripada setiap kategori diagregatkan untuk memperoleh skor keseluruhan setiap bandar raya.

Kejayaan Kuala Lumpur menempatkan diri pada kedudukan tinggi di peringkat Asia Tenggara dan dunia membuktikan pencapaian markah tinggi dalam kesemua kategori diambil kira dalam penilaian. Ini bermakna tadbir urus, pertumbuhan ekonomi dan sosial serta modal insan negara berada pada tahap sangat baik.

Malah kawan-kawan Kedai Kopi turut gembira kerana selain Kuala Lumpur, bandar raya lain di negara ini juga berjaya mencapai kedudukan baik dalam indeks global tersebut. Misalnya Georgetown, Pulau Pinang menduduki tempat ke-351, Melaka di tempat ke-359 dan Johor Bahru di tangga ke-376.

Kejayaan yang dicapai oleh Kuala Lumpur dan bandar-bandar lain di Malaysia menonjolkan diri di peringkat global bukan sesuatu yang datang sendiri. Sebaliknya ia melalui usaha berterusan dan komitmen kerajaan mensejahterakan rakyat dan membina masa depan negara yang lebih cemerlang dan gemilang. Semoga pada tahun hadapan kejayaan lebih hebat dapat dicapai.

Tolonglah berhenti merokok



KU SEMAN KU HUSSAIN

SAYA fikir ada dalam kalangan pembaca juga kerap terperangkap dalam keadaan begini; ketika sedang berselera makan tiba-tiba pelanggan di meja sebelah atau berdekatan mula merokok. Asapnya berkepul-kepul menerawang dan sebahagiannya menerpa ke muka kita.

Tentu sahaja hal itu membuatkan kita berada dalam keadaan serba salah. Hendak ditegur bukan lagi budak-budak remaja, tetapi kalau tidak ditegur kita pula lemas dan mual dalam kepulan asap rokok.

Padahal di setiap penjuru dan dinding premis makanan ada dilekatkan peringatan 'Dilarang merokok.' Kalau mereka itu cuba meletakkan diri di tempat orang lain, terutama yang alah asap rokok, tentu tidak tergamak membantutkan selera orang menikmati makanan dengan asap rokok.

Ramai dalam kalangan wanita dan terutamanya kanak-kanak alah dengan asap rokok. Ada yang dengan tiba-tiba sahaja terbatuk sebaik sahaja tersedut asap rokok sekalipun dari jarak yang agak jauh. Orang yang sedemikian memang bukan mengada-ngada terhadap perokok.

Langkah pertama menjadi orang yang baik adalah cuba memahami keadaan orang di sekeliling. Pengamatan seperti itu membolehkan kita memahami kelemahan dan kelebihan seseorang. Dengan memahami orang lain, peranan kita pula adalah berusaha menyesuaikan



LIMA juta orang atau 22.8 peratus daripada populasi berusia 15 tahun ke atas adalah perokok. - Gambar hiasan

diri dengan keadaan di sekeliling.

Kalau perokok tegar sekalipun, boleh sahaja memperlihatkan prihatin terhadap orang di sekeliling. Tidak merokok di depan orang yang tidak dipastikan sama ada perokok atau tidak. Satu lagi tidak berbangga dengan perbuatan yang tidak baik – mustahil masih tidak faham yang rokok itu membawa kemudaratatan.

Seingat saya belum ada kelonggaran untuk merokok di mana-mana tempat makan – tidak kira restoran lima bintang atau warung di tepi jalan. Semua premis itu dilarang merokok sama sekali termasuk kawasan rawat dan rehat (R&R) di lebuhraya.

Sebelum ini Kementerian Kesihatan pernah mengarahkan jarak merokok sekurang-kurang tiga meter dari premis makanan atau kelompok orang awam. Tetapi kini sudah banyak yang merokok dengan selamba di tempat-tempat tersebut. Peraturan dulu yang baik untuk semua seolah-olah terhenti di tengah jalan.

Suatu waktu dulu ketika Dr Zulkifly Ahmad menjadi Menteri Kesihatan, beliau mengarahkan larangan merokok di premis makanan. Hanya dibolehkan merokok sekurang-kurang tiga meter dengan premis berkenaan. Ketika itu banyak yang patuh sekalipun ada suara-suara mempersenda arahan berkenaan.

Sikap individu yang merokok di premis awam seperti itu sebenarnya telah mengambil hak golongan yang menjauhkan diri daripada asap rokok. Tetapi dengan longgarnya penguatkuasaan, hak golongan majoriti menolak rokok pula diambil oleh minoriti yang suka pada rokok.

Merokok memang hak peribadi. Hal itu semua orang tahu. Sekalipun begitu status sebagai hak peribadi itu dengan sendirinya gugur apabila dilakukan di tempat awam – tidak kira sama ada premis makanan atau tempat-tempat lain. Tidak ada lagi hak peribadi untuk perokok.

Apa lagi perbuatan itu sendiri membawa kemudaratatan kepada orang di sekeliling. Hak peribadi untuk merokok hanya ketika duduk seorang diri di satu kawasan yang jauh daripada orang lain. Di rumah pun tidak boleh kerana tidak semua dalam premis itu suka pada rokok.

Arahan melarang merokok di premis awam seperti sebelum ini

sebenarnya suatu yang sangat dialu-alukan. Suatu langkah yang baik untuk membebaskan orang ramai daripada dicemari asap rokok. Langkah itu bukanlah satu bentuk diskriminasi, sebaliknya sangat baik untuk kepentingan umum.

Saya memerhati kebanyakan perokok seolah-olah memiliki pakej dengan sikap buruk – melempar puntung rokok di merata tempat, lempar atas lantai kemudian pijak dan biar di situ sahaja atau memasukkan dalam gelas atau cawan di atas meja. Sebenarnya kelakuan sedemikian mencerminkan sikap dalam kalangan yang memilih hidup dengan rokok.

ORANG LAIN JADI MANGSA

STATISTIK menunjukkan sekurang-kurangnya 20,000 rakyat negara ini meninggal dunia setiap tahun akibat penyakit berpunca daripada tabiat merokok.

Memanglah tidak ada yang mati akibat merokok secara langsung seperti terminum racun. Hal itu menunjukkan rokok memberikan kesan yang buruk kepada manusia.

Mungkin ada yang bertanya, kalau benar membawa kerosakan, kenapa rokok tidak diharamkan? Kenapa rokok boleh dibeli dengan mudah seperti kanak-kanak membeli gula-gula? Hal itu biarlah dibahaskan di forum atau di pentas yang lain. Perkara yang penting untuk diingat adalah keburukan rokok difahami di mana-mana dan oleh sesiapa sahaja.

Lima juta orang atau 22.8 peratus daripada populasi berusia 15 tahun ke atas adalah perokok. Golongan itu membuat pilihan menjadi perokok selepas 'khatam'

dengan semua nasihat didaktik dalam kempen anti merokok sejak negara ini mencapai kemerdekaan.

Hingga sampai pada satu tahap kempen anti merokok pula yang perlu diharamkan. Sebabnya kempen itu lebih membazirkan wang rakyat berbanding faedah yang sepatutnya. Kempen itu dianggap membazir apabila tidak memberi kesan kepada generasi yang belum kenal rokok yang kemudian menjadi perokok tegar.

Sejak negara mencapai kemerdekaan lebih enam dekad dulu, kempen anti merokok tidak pernah mencapai kejayaan. Salah satu sebabnya tujuan berkempen tidak lebih sebagai ritual, sama seperti ritual sambutan ulang tahun kemerdekaan yang disambut dengan jiwa yang terjajah.

Sudah begitu banyak wang rakyat digunakan untuk kempen anti merokok tetapi tidak ada kesannya, yakni angka perokok tidak berkurang. Yang untung adalah mereka yang mendapat upah membuat kain rentang, billboard dan iklan dalam media cetak dan elektronik untuk kempen anti merokok.

Kenapa tidak haramkan sahaja rokok? Mana boleh dan tidak akan boleh. Untuk mengetahui lanjut kenalah bertanya kepada pihak yang arif. Mereka mungkin ada jawapan kenapa rokok terus dibenarkan sekalipun tidak ada sedikitpun kebaikannya.

Disebabkan perokok, kerajaan terpaksa membelanjakan tidak kurang RM3.8 bilion setahun untuk merawat penyakit yang disebabkan rokok. Duit itu dikutip daripada cukai termasuk golongan yang sangat alah dengan rokok. Kalau pesakit berkenaan bukan perokok, ada kemungkinan mereka adalah salah seorang yang terdedah pada asap rokok atau *environmental tobacco smoke* (ETS).

Merokok bagi sesetengah orang adalah gaya, keunggulan dan kemodenan. Tidak merokok bermakna tidak bergaya dan tidak moden. Kerana itu tidak hairanlah kalau jumlah perokok kita meningkat 49 peratus daripada 3.1 juta orang pada tahun 2007 kepada 4.7 juta tahun 2011. Sekarang khabarnya sudah mencapai lima juta orang.

Kadar itu sudah mengatasi peningkatan perokok di negara maju seperti Britain (38 peratus), Amerika Syarikat (35 peratus) dan Sweden (30 peratus). Kita tidak mahu Malaysia terkenal dengan rekod 'kecemerlangan' yang seperti ini. Maka kepada sekalian para perokok, tolonglah berhenti merokok.

Sekalipun merokok itu adalah 'gaya, keunggulan dan kemodenan' berkorbanlah demi ahli masyarakat lain yang tidak berdosa turut terancam kesihatan mereka. Semoga 'pengorbanan' yang besar itu dibalas dengan kesihatan yang baik.

RAGAM KOTA



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 264 . 31 MEI - 6 JUN 2024

pedofilia

ANAK ANDA *mungkin*
MANGSA seterusnya

►► 10-11

Kes rogol kanak-kanak semakin membimbangkan

HAZIRAH HALIM & DIANA AMIR

KANAK-KANAK merupakan golongan yang harus dilindungi namun sikap tidak berperikemanusiaan telah menjadikan mereka mangsa kekejaman nafsu pedofilia yang tidak mampu menahan naluri ketagihan dan rasa ghairah terhadap seks kepada kanak-kanak.

Kes rogol melibatkan kanak-kanak bawah umur di negara ini bukanlah suatu perkara baharu dan ia semakin membimbangkan apabila statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut menunjukkan kes jenayah rogol membabitkan golongan ini meningkat secara konsisten sejak beberapa tahun kebelakangan terutama selepas pandemik COVID-19.

Secara spesifikasinya, pedofilia adalah antara kesalahan jenayah seksual kanak-kanak yang telah diperincikan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual kepada Kanak-Kanak 2017 (Akta 792).

Antara kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam akta ini adalah mengantun kanak-kanak secara seksual (*grooming*), amang seksual fizikal dan bukan fizikal termasuklah kesalahan menyentuh, meraba, menunjukkan video lucah, mengarah mereka melakukan perbuatan seksual dan sebagainya.

Menjelaskan lebih lanjut, Peguambela dan Peguamcara rakan kongsi di Tetuan Nor Zabetha Chinna & Co, **Nor Zabetha Muhamad Nor** berkata perogol mempunyai rangsangan seksual yang amat tinggi terhadap kanak-kanak selain individu itu menganggap si kecil sebagai sasaran mudah untuk diugut dan dipengaruhi.

"Ia juga turut didorong oleh aktiviti seseorang yang gemar menonton video lucah kanak-kanak serta akses kepada pornografi yang tidak terkawal sehingga membentuk tingkah laku sebegini.

"Kes jenayah rogol ini dapat dilihat melalui Akta 792 di mana hukumannya adalah lebih berat berbanding kesalahan seksual yang diperuntukkan dalam akta lain iaitu pesalah boleh dijatuhkan hukuman penjara 20 tahun dan sebatan di bawah seksyen 14 akta berkenaan.

"Berbanding Seksyen 354 Kanun Keseksaan, hukuman penjara adalah 10 tahun maksimum atau denda atau sebatan di bawah kesalahan

menggunakan kekerasan jenayah secara fizikal untuk mencabul.

"Manakala, si pelaku yang mempunyai hubungan rapat dengan mangsa seperti ibu bapa, guru, pengasuh atau lain-lain, mereka boleh dijatuhkan hukuman penjara tambahan ke atas hukuman asal iaitu 20 tahun di bawah Seksyen 16 namun jika perbuatan itu melibatkan jenayah yang tidak terkandung di bawah

Akta 792, suspek atau tertuduh masih akan didakwa di bawah Kanun Keseksaan bagi kesalahan berdasarkan peruntukan," jelasnya.

Berpengalaman dalam bidang guaman Nor Zabetha mengendalikan kes jenayah rogol bagi mangsa atau keluarga mereka, beliau turut

meneliti bahawa fenomena ini memperlihatkan golongan kanak-kanak seawal usia lima tahun telah terdedah dengan ketagihan seks.

"Saya sendiri banyak mewakili mangsa di mana pelakunya adalah kanak-kanak di bawah 10 tahun yang mengalami ketagihan seks yang tidak terkawal sehingga mendorong mereka mencari mangsa dalam kalangan rakan sebaya atau lebih muda dari usia mereka.

"Namun, tiada akta yang boleh menjatuhkan hukuman terhadap

mereka (pesalah bawah umur) dan dikecualikan daripada tuduhan jenayah. Ia juga dapat dibuktikan melalui Seksyen 82 dan Seksyen 83 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan bahawa tidak menjadi kesalahan bagi kanak-kanak berusia antara 10 hingga 12 tahun.

"Malah di bawah Seksyen 66 Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan kanak-kanak berusia 10 tahun ini juga tidak boleh dihantar ke Sekolah Henry Gurney memandangkan mereka masih di bawah umur namun Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) boleh mengambil tindakan dengan memberi khidmat kaunseling kepada mereka," ujarinya.

Dalam pada itu, media tempatan melaporkan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain mendedahkan kanak-kanak seawal usia lima tahun terlibat dalam jenayah seksual disebabkan akses pornografi menerusi Internet.

Justeru itu, Nor Zabetha berpandangan *poor parenting* adalah antara salah satu punca yang menyebabkan kanak-kanak tersebut berani melayari laman web pornografi tanpa pengawalan mana-mana pihak.

"Di zaman ini, banyak bahan-bahan seks yang boleh diakses dengan mudah. Mungkin kanak-kanak ini pernah menonton carian *history* ibu bapa yang ditinggalkan dalam telefon.

"Oleh itu, ibu bapa adalah individu yang sewajarnya memantau segala kemudahan yang diakses oleh anak-anak agar perkara sebegini tidak berulang," katanya. 



NOR ZABETHA




PEDOFILIA

STATISTIK JENAYAH ROGOL MANGSA BAWAH UMUR



STATISTIK JENAYAH ROGOL BERKUMPULAN MANGSA BAWAH UMUR



TINDAKAN KERAJAAN:

- Kementerian Pendidikan (KPM) menjalankan kerjasama rentas kementerian bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) dengan melaksanakan advokasi berkaitan gangguan seksual.
- Menambah nilai garis panduan pengurusan gangguan seksual di institusi pendidikan serta latihan termasuk penekanan advokasi kepada semua guru.
- Di peringkat sekolah ditegaskan semula tentang pengurusan antigangguan seksual, proses, aduan, tindakan yang mesti diambil dengan segera sebaik sahaja guru tahu tentang perilaku berkenaan.
- Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (Pindaan) 2023.

Perlu garis panduan menyeluruh

IBU bapa merupakan individu yang paling rapat dengan anak-anak dan mempunyai peranan terbesar dalam mengatasi jenayah rogol dalam kalangan kanak-kanak.

Menurut Pakar Psikologi, **Profesor Dr Mariani Md Nor**, ibu bapa perlu sentiasa mengambil berat terhadap penggunaan gajet yang telah menjadi permainan baharu kanak-kanak.

"Mereka perlu mengawal *screen time* serta memantau penggunaan peranti kerana tidak dinafikan media sosial merupakan antara penyumbang meningkatnya kes jenayah rogol dalam kalangan kanak-kanak.

"Selain itu, perlunya meningkatkan tahap kawalan sendiri anak masing-masing supaya mereka berupaya melindungi diri sendiri daripada menjadi sasaran pedofilia yang memanfaatkan kecanggihan teknologi komunikasi," katanya.

Tambahnya, menjaga pergaulan sosial anak-anak adalah langkah yang sangat digalakkan untuk mengatasi jenayah tersebut yang semakin membimbangkan.

"Antaranya perlu ambil tahu siapa rakan mereka, menjaga

batasan perlakuan antara kaum keluarga ketika berada di rumah.

Bagi anak-anak di awal usia, ibu bapa perlu memberi kemahiran mengurus, membersihkan diri dan mengajar mereka untuk mengetahui tentang sentuhan baik dan sentuhan jahat," ujar beliau.



MARIANI

Mengulas lanjut, Mariani berkata semua pihak perlu memainkan

peranan dalam mengatasi perkara ini memandangkan trendnya kelihatan semakin membimbangkan.

"Pihak kerajaan di bawah kementerian yang bertanggungjawab harus memainkan peranan penting dengan mengemas kini peraturan, garis panduan, dasar polisi yang dapat memastikan hak dan keselamatan kanak-kanak.

"Di pihak ibu bapa, mereka harus mempunyai gaya keibubapaan yang lebih responsif dengan kelestarian alam sekitar kanak-kanak itu sendiri manakala pihak sekolah perlu lebih arif dengan tindakan garis panduan yang perlu mereka ambil dalam memastikan pelaku diberi hukuman setimpal," katanya.

Tambah Mariani, undang-undang sedia ada masih belum mampu

untuk menangani jenayah rogol dalam kalangan kanak-kanak.

"Kita memerlukan garis panduan yang lebih menyeluruh dan undang-undang yang dapat mengelakkan daripada jenayah rogol berlaku. Langkah proaktif juga perlu diambil oleh pihak sekolah di mana pendidikan seks perlu diutamakan bagi mendidik anak-anak.

"Selain itu, perkara ini perlu dibahaskan bersama dengan badan bukan kerajaan (NGO) agar dapat dibuat satu resolusi untuk jenayah seperti ini dapat dikurangkan.

"Di sekolah dan di mana-mana institusi perlu ada garis panduan yang sejagat agar setiap organisasi atau keluarga tahu apa tindakan yang boleh diambil bagi mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diinginkan," tegasnya.

Mariani berkata peningkatan kes rogol dalam kalangan kanak-kanak apabila pelaku mempunyai rangsangan seksual yang tinggi terhadap fizikal golongan kecil tersebut.

"Melalui kajian kebarangkalian pelaku melalui pengalaman yang sama iaitu mungkin pernah diperlakukan sebagai mangsa rogol di usia kanak-kanak dan tontonan media sosial juga sedikit sebanyak mempengaruhi pembentukan peribadi," ujarnya.

Elak muat naik gambar peribadi

PENDIDIKAN tentang keselamatan di Internet harus diperluaskan walaupun penyampaian maklumat di platform tersebut banyak faedahnya namun ia sarat risiko yang boleh menjejaskan kesejahteraan kanak-kanak.

Penyarah Komunikasi Liberal, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi Mara Malaysia (UiTM), **Ts Nurul Aishah Ab Raman**, 42, berkata sebagai tindakan wajar, ibu bapa boleh mengatur privasi akaun secara ketat dengan memilih untuk tidak memuat naik gambar peribadi atau menggambarkan lokasi anak-anak.

"Amat penting bagi ibu bapa untuk menyedari risiko yang berkaitan dengan memuat naik gambar anak-anak di media sosial.

"Justeru, sebagai ibu bapa perlu cakna dan proaktif dengan persekitaran ini. Bagi saya, letakkan *parental controls* sebagai contoh di peranti anak-anak, pastikan tahu *password* mereka selain celik digital juga perlu dipupuk dalam kalangan ibu bapa," katanya.

Katanya, dalam soal keselamatan terutama ketika berada di luar rumah, ibu bapa perlu memasang kamera litar tertutup (CCTV) di tempat-tempat strategik selain meletakkan penjejak (*tracker*) dan sentiasa berkongsi lokasi langsung dengan anak-anak.



NURUL AISHAH

"Pendidikan seksual pada usia muda adalah penting untuk meningkatkan pemahaman anak-anak terhadap kegiatan tidak berfaedah ini selain memupuk rasa hormat kepada diri sendiri.

"Ia juga secara tidak langsung membekalkan

mereka pengetahuan untuk mengenal pasti tingkah laku yang tidak sesuai dan bagaimana cara melaporkan kepada orang dewasa yang dipercayai.

"Kebanyakan kes seksual tidak dilaporkan kerana rasa takut dan bimbang selain malu dan sebagainya. Walaupun gangguan seksual majoritinya berlaku terhadap golongan wanita namun ia boleh berlaku kepada dua-dua jantina, jadi pendedahan harus diberikan kedua-duanya," katanya.

Tegas Nurul Aishah, perkara ini dapat dibendung sewajarnya jika mendapat kerjasama daripada seluruh pihak khususnya ibu bapa dan bukan hanya sekadar melepaskan batuk di tangga.



PBAKL 2024 HARI RAYA ULAT

BERMULA 24 Mei hingga 2 Jun, peminat buku tidak ketinggalan memeriahkan pesta buku terbesar di Malaysia yang sedang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) mulai pukul 10 pagi hingga 10 malam.

Pelbagai genre buku di bawah satu bumbung dihimpunkan termasuklah karya-karya sastera penulis dari Asia Tenggara melibatkan Malaysia, Singapura, Thailand, Filipina, Indonesia, Vietnam, India, China, Taiwan dan Iran.

Sejarah PBAKL bermula pada tahun 1981 dan sehingga kini ia terus melakar sejarahnya yang tersendiri dengan merekodkan lebih daripada 1.5 juta pelawat secara purata dari tahun 2008 hingga kini.

Lensa *Wilayahku* tidak ketinggalan merakamkan suasana dan gelagat pengunjung di acara berprestij yang juga merupakan platform kepada penerbit antarabangsa untuk mempamer dan memperdagangkan buku-buku terbitan mereka. 



ORANG ramai mengambil kesempatan mengunjungi pesta buku yang sedang berlangsung kini.





PINTASAN SALOMA

terus jadi tumpuan

DIANA AMIR
Foto: AMIN FARIJ HASAN

SAMA seperti Bridge of Peace di Tbilisi, Georgia namun keunikan Pintasan Saloma terletak pada konsep Melayu dengan reka bentuk sirih junjung yang sinonim dengan adat resam masyarakat tersebut.

Merupakan sebuah jambatan gabungan pejalan kaki dan pengayuh basikal sepanjang 69 meter yang menyeberangi Sungai Klang, nama mercu ikonik ini berasal daripada penyanyi keturunan Malaysia-Singapura, Saloma.

Sejak dibuka pada 5 Februari 2020 lalu, ia menjadi tarikan dan tumpuan pelancong tempatan dan luar negara yang mengambil kesempatan merakam gambar berlatarbelakangkan Menara Berkembar Petronas.

Merupakan akses bagi memudahkan orang ramai untuk berjalan kaki dari KLCC ke Kampung Baru, jambatan yang menelan kos RM31 juta itu dibina berhampiran Stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Kampung Baru merentasi

Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (AKLEH).

Lebih menarik, ia turut dilengkapi hiasan sistem pencahayaan 4,100 unit sistem lampu diod pemancar cahaya (LED) yang akan memancarkan pelbagai warna pada sebelah malam selain bertukar mengikut tema termasuklah ketika musim perayaan.

Keindahannya jelas kelihatan pada waktu malam, biarpun sudah empat tahun beroperasi, ia tetap menjadi destinasi wajib dilawati bagi

pelancong.

Menurut salah seorang pengunjung, **Mohd Azmi Md Seh**, 38, kedudukan pintasan yang berhampiran dengan pengangkutan awam menjadikannya lokasi yang mudah dikunjungi.

“Kalau kita lihat ramai yang berjalan kaki dari Kampung Baru

melalui pintasan ini untuk ke KLCC sambil menikmati reka bentuk moden dan abstrak,” ujarnya.

Selain itu, Nazifa Syahirah Mohd Shaffie, 21, berkata limpahan lampu warna-warni di sebelah malam menjadikan pintasan ini salah satu lokasi bergambar yang cantik untuk dimuat naik ke media sosial.

“Bukan itu sahaja, keselamatan di sini turut terjaga kerana ia dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV)

selain adanya pengawal keselamatan bertugas bagi mengelakkan sebarang perkara tidak diingini.

“Paling membuatkan saya teruja, ia terletak berhampiran dengan kawasan syurga makanan, Kampung Baru. Selain itu, orang ramai juga boleh mengunjungi KLCC, Pusat Pelancongan Malaysia (MaTIC) dan bersantai di Sembang PJ Art Lane yang terkenal dengan *food truck*,” ujarnya.

Sementara itu, bagi Siti Mashitah Mohd Riduwan, 25, pula dia sanggup datang jauh dari Terengganu semata-mata ingin menyaksikan keindahan seni bina tersebut.

“Memandangkan lokasi ini popular di media sosial, jadi saya teruja untuk melihat sendiri reka bentuk jambatan ini biarpun baru sekarang berpeluang untuk ke sini setelah lebih empat tahun ia dibuka,” katanya.





ILAYAHKU

**BIG
ISSUE
MALAYSIA***Jumpa kami di***reruai****HL20A**

ARAS 2, WTCKL

24 MEI - 2 JUN 2024

10:00 AM - 10:00 PM

PESTA BUKU ANTARABANGSA
KUALA LUMPUR
INTERNATIONAL BOOKFAIR
2024**ISTIMEWA!****PBAKL 2024**

TERHAD KEPADA 100 PENGUNJUNG SAHAJA!

Dapatkan MAJALAH BIG ISSUE MALAYSIA secara PERCUMA dengan setiap pembelian Novel Papadom atau bawa keratan ini ke booth, YWP MEDIA (HL20A)



Atur strategi jualan

Kenali kumpulan sasar elak pembaziran

HAZIRAH HALIM

SETIAP peniaga perlu bijak dan kreatif dalam mengatur strategi terutama ketika mempromosikan produk berikutan persaingan sengit perniagaan dalam talian ketika ini.

Pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FOBM), City Universiti Petaling Jaya, **Nur Fadhlil Sakina Md Saad** berkata pemasaran digital memerlukan strategi jelas yang disesuaikan dengan kumpulan sasar dan objektif perniagaan.

“Kegagalan membuat strategi dan mengenal pasti kumpulan sasar yang tepat akan membazirkan sumber tenaga serta kos kewangan kerana mengiklankan produk atau perkhidmatan kepada sasaran yang tidak tepat.

“Bagi saya, kunci bagi sesuatu perniagaan untuk mampu bertahan di pasaran dalam jangka masa panjang adalah kemampanan. Mereka harus tahu siapa *target* sasaran untuk menjadi pelanggan.

“Justeru itu, setiap peniaga perlu sentiasa bijak dalam mengatur langkah dan menetapkan keputusan selain perlu tahu cara menggunakan platform media sosial terutama dari segi pengiklanan, hebahan serta corak penulisan untuk menarik pembeli,” katanya.

Menurut Fadhlil, salah satu strategi pemasaran untuk



PASARAN e-dagang di Malaysia mempunyai anggaran pertumbuhan sebanyak 24.7 peratus pada tahun 2020.

meningkatkan jualan adalah melalui penggunaan platform digital seperti *Shopee, Foodpanda, Grab, Instagram, Tiktok* mahupun *Facebook*.

Katanya, aplikasi ini tidak hanya membantu peniaga memasarkan produk menggunakan gambar dan reviu malah mereka juga boleh membuat liputan langsung (*live*) di platform tersebut.

“Berdasarkan kajian analisis daripada E-Dagang Global Data mencatatkan pasaran e-dagang di Malaysia mempunyai anggaran pertumbuhan sebanyak 24.7 peratus pada tahun 2020.

“Secara tidak langsung, ia membuktikan bahawa perniagaan dalam talian mampu meningkatkan ekonomi masyarakat dan negara

termasuklah peniaga kecil yang kini menggunakan platform tersebut sebaiknya,” katanya.

Mengulas lanjut, Fadhlil berkata perniagaan dalam talian melibatkan media sosial seperti *Facebook, Instagram* dan *TikTok* sememangnya telah membuka mata para usahawan untuk menggunakan platform tersebut sebagai medium

mengembangkan perniagaan terutama ketika negara dilanda pandemik COVID-19.

“Pandemik telah membuka mata ramai peniaga tentang kelebihan melakukan perniagaan dalam talian kecenderungan ini dilihat berterusan apabila ramai peniaga yang mengakui platform tersebut bukan sahaja mudah dan menyenangkan malah ia juga menjimatkan kos seperti penyewaan tapak di kedai fizikal, kos upah tenaga kerja serta lain-lain,” jelasnya.

Ditanya mengenai perbandingan di antara perniagaan fizikal dan atas talian, Fadhlil berkata kedua-duanya mempunyai kelebihan tersendiri dan sukar dibandingkan namun ia bergantung kepada individu untuk menilai.

“Bagi saya perniagaan secara fizikal ini kita boleh membina kepercayaan dalam kalangan pelanggan misalnya mereka boleh melihat dan menyentuh sendiri produk sedia ada tersebut selain boleh memilih mengikut cita rasa tersendiri.

“Kalau perniagaan dalam talian pula, pelanggan tidak perlu bersusah payah untuk ke kedai fizikal kerana peniaga turut menawarkan pelbagai barang namun bezanya mereka perlu membaca reviu untuk mengetahui respons pelanggan,” katanya. 

Syarikat tempatan perlu berani sahut cabaran

DEWAN Perniagaan, Perindustrian dan Pelaburan Malaysia-Wuxi, China (DPPPM-WC) memeterai perjanjian bersama dua pengusaha syarikat tempatan sebagai rakan strategi perniagaan dan pelaburan bagi program Malaysia Warehouse-Wuxi, China yang bakal diadakan pada Ogos depan.

Ahli jawatankuasanya, **Datuk Seri Sharizal Sarip** berkata kedua-dua pengusaha iaitu syarikat Juta Global Marketing Sdn Bhd (Juta Global) yang menghasilkan keju halal berjenama Marsche Formage Cheese serta pengeluar makanan Ready-To-Eat (RTE), Tok Su Shon keluaran UNA Manufacturing & Resources Sdn Bhd (Una Manufacturing) dipilih setelah disaring dan melepasi syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan China.

“Kalau hendak diikuti, pihak kami telah menerima lebih dari 200 permohonan daripada pelbagai syarikat tempatan untuk cuba memasarkan produk dan memasuki pasaran China.

“Walaupun bagaimanapun, hanya dua buah syarikat ini sahaja terpilih setelah melepasi syarat-syarat yang ditetapkan oleh China seperti

kandungan gula dalam makanan dan juga kandungan bahan kimia yang digunakan,” ujar beliau.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pembekalan produk kedua-dua syarikat baru-baru ini.

Menurut Sharizal, pemilihan syarikat berdasarkan kepada beberapa kriteria ketat yang diwajibkan oleh kerajaan China.

“Pihak Wuxi mahukan sekurang-kurangnya 110,000 metrik tan produk sebulan untuk pasaran China yang akan ditempatkan di Pavilion Malaysia di Wuxi.

“Jumlah tersebut merupakan satu kriteria yang telah ditetapkan bagi syarikat tempatan dari pasaran China selain daripada kandungan makanan yang harus mengikut piawaian sebelum dipasarkan di sana,” ujarnya.

Katanya setakat ini kesemua permohonan yang diterima masih dalam proses saringan bagi menemui syarat sekuriti makanan yang ketat daripada pihak China.

“Memang banyak permohonan yang diterima, namun kita perlu saring terlebih dahulu. Walaupun daripada usahawan kecil, kita tetap

terima dan bantu mereka untuk diterima masuk.

“Insya-Allah dah diterima, jangan risau, permintaan memang tinggi, kita juga gembira, kita akan bantu untuk penuhi permintaan yang ada dan beserta dengan harapan pihak dari China juga menyediakan pelan untuk penuhi permintaan tersebut,” katanya.

Mengulas lanjut, Sharizal memaklumkan pihaknya mahu mewujudkan platform yang bersepadu, saling menguntungkan untuk integriti perniagaan, komunikasi dan pertukaran antara kedua negara.

Menurutnya, syarikat tempatan di dalam bidang makanan dan minuman (F&B) perlu berani menyahut cabaran kerana kriteria keselamatan makanan di China amat ketat dan perlu dipatuhi seperti mengeksport produk negara Eropah.

“Jika dilihat, Pavilion kita yang terdapat di Wuxi adalah yang paling besar sekali gus menjadikannya tempat di mana ejen pemasaran seluruh China untuk memilih produk-produk F&B yang boleh dipasarkan,” katanya. 



MAJLIS MoU pembekalan produk antara kedua-dua syarikat



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika menyampaikan ucapan di CxO Summit Semicon Southeast Asia 2024, sidang kemuncak yang mengumpulkan minda-minda terhebat dalam bidang semikonduktor dari sepelekos dunia.




TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof merasmikan Majlis Persidangan Kebangsaan Pengurusan Air Ribut Malaysia (SWaM) 2024.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa melancarkan Program Geran Kreatif KL anjuran Think City dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di Semua House, Kuala Lumpur.



MENTERI Komunikasi, Fahmi Fadzil meluangkan masa melawat keluarga yang terjejas di Apartmen Putra Ria, Bangsar.



MENTERI Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berada di Perhimpunan Kesihatan Sedunia di Palais des Nations dengan larian 'Walk the Talk: Health for All Challenge'.



MENTERI Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan mengadakan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Republik Singapura, TTY Lawrence Wong semasa lawatan rasmi beliau di Singapura.



Kolaborasi PPZ-MAIWP dan YWP

YWP ejen saluran dakwah zakat di WP

HAZIRAH HALIM

PUSAT Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP)

yakin dan percaya bahawa Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) mampu menjadi ejen dalam menyalur dan menyebarkan dakwah zakat kepada masyarakat khususnya umat Islam di Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAIWP, **Datuk Abdul Hakim Amir Osman** berkata melalui pengalaman YWP dalam bidang pengurusan bantuan sejak ditubuhkan pada tahun 1986, pihaknya percaya yayasan ini mampu memenuhi keperluan kumpulan sasar memerlukan serta membantu meningkatkan kepercayaan masyarakat untuk terus menunaikan zakat di PPZ-MAIWP.

Katanya, ia adalah sebahagian langkah untuk membantu kumpulan sasar memerlukan di samping memperoleh bantuan mendapatkan kepercayaan pembayar-pembayar zakat.

"Kami memikirkan apa inisiatif yang boleh dilaksanakan

untuk pembayar zakat di WP dan saya melihat kebanyakan program-program kebajikan yang dilaksanakan YWP adalah meluas dan ia juga turut memfokuskan kepada umat Islam menerusi bantuan zakat daripada pihak individu mahupun syarikat-syarikat korporat.

"Saya percaya YWP boleh menjadi ejen atau pemudah cara kepada PPZ-MAIWP bagi memberi pengetahuan

dan menyebarkan dakwah zakat selain saya juga yakin pelaksanaan program-program mereka adalah berlandaskan polisi pembangunan dan memenuhi syariat seperti mana yang ditetapkan dalam Al-Quran.

"Disebabkan itu saya rasa kolaborasi yang dijalankan ini adalah bagus dan perlu diteruskan," katanya menerusi temu bual eksklusif bersama *Wilayahku*.

Menerusi kolaborasi itu, pihaknya kini sedang giat melaksanakan program-program kebajikan bersama YWP melalui Skim Wakalah atau Dasar Pengembalian Semula Wang Zakat di bawah PPZ-MAIWP.

Terbaharu, kedua-dua pihak sedang melaksanakan Bantuan



ABDUL HAKIM



KEBANYAKAN program kebajikan yang dilaksanakan YWP meluas dan turut memfokuskan umat Islam. - Gambar hiasan

Pemakanan Sekolah kepada 111 sekolah menengah yang terpilih di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dengan melalui skim atau dasar wakalah tersebut.

"Skim atau Dasar Wakalah ini adalah inisiatif yang diperkenalkan oleh PPZ-MAIWP kepada pembayar-pembayar zakat terdiri daripada individu, syarikat mahupun majikan yang menunaikan zakat di mana sebahagian daripada zakat yang ditunai akan disalurkan

kepada mereka yang kurang berkemampuan secara persendirian.

"Program ini akan menggunakan dana wakalah pembayar zakat di mana pelajar-pelajar beragama Islam yang terpilih akan menerima bantuan makanan berkhasiat serta susu berkualiti secara percuma bernilai RM7.

"Dari segi pelaksanaannya, ia akan diuruskan oleh pihak YWP dan kami sebagai mediator bertindak mencari pewakalah-

pewakalah untuk membantu pelaksanaan program tersebut.

"Saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada pemegang wakalah terutama individu dan badan korporat yang sudi menghulurkan bantuan dan saya menyeru masyarakat untuk menjadi sebahagian penyumbang dana wakalah bagi membolehkan bantuan-bantuan kepada golongan B40 dan asnaf ini dapat dilaksanakan," katanya. 

HLN 2024 tingkat apresiasi terhadap industri landskap



SULTAN Ibrahim (tengah) berkenan menyempurnakan perasmian HLN 2024 di Taman Tasik Shah Alam baru-baru ini.

INDUSTRI Landskap mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 14.8 peratus (%) berbanding tahun sebelumnya. Justeru, penganjuran Hari Landskap Negara (HLN) 2024 bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan apresiasi terhadap landskap terutamanya dalam kalangan generasi muda di samping menyebar luas kepentingan landskap terhadap kesejahteraan kehidupan melalui program pembangunan landskap yang komprehensif.

Menurut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **Nga Kor Ming**, ia juga merupakan salah satu usaha dalam meningkatkan kualiti pembangunan landskap negara dengan mewujudkan kesedaran, menarik minat dan pengetahuan dalam kalangan semua pihak terhadap landskap seterusnya merealisasikan aspirasi untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah.

"Green Urban Forum (GUF) turut diadakan bertujuan untuk berkongsi kepakaran dan pengetahuan serta menyuntik idea-idea berkenaan inisiatif perbandaran hijau negara, khususnya berkaitan pembangunan landskap.

"Di samping itu, ia juga turut menjadi platform bagi menerapkan nilai dan amalan pengurusan

landskap terbaik yang dapat menyumbang kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan," ujarnya pelbagai aktiviti dan pertandingan turut diadakan.

Tambah beliau, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) sentiasa berusaha untuk memperkasakan industri landskap negara melalui pengukuhan jaringan kerjasama bagi meningkatkan peranan penggiat industri landskap. Ini secara tidak langsung dapat menyokong kepada perkembangan ekonomi negara.

Dalam pada itu, industri landskap dianggarkan telah menyumbang sebanyak RM29.7 bilion atau bersamaan 1.7% peratus daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun 2022.

"Berdasarkan kepada maklumat yang dibekalkan oleh pihak Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), KDNK Malaysia pada tahun 2022 adalah berjumlah sebanyak RM1.791 trilion.

"KPKT melalui JLN memberikan komitmen penuh terhadap usaha-usaha bagi menyokong perkembangan industri landskap negara yang turut menyumbang kepada perkembangan KDNK," katanya

dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Beliau berkata dalam sektor pembekalan pokok, tanaman hiasan dan landskap, Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) merekodkan sebanyak 653 buah perusahaan tapak samaian berdaftar meliputi kawasan seluas 819.63 hektar di seluruh negara.

"Negeri Johor mencatatkan keluasan perusahaan tapak samaian terbesar iaitu 571.08 hektar manakala dalam sektor pembinaan, sebanyak 20,537 buah syarikat telah berdaftar sebagai kontraktor landskap dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)," ujarnya.

Terdahulu, bertemakan 'Industri Landskap Pemacu Pembangunan MADANI', Sambutan HLN 2024 merupakan sambutan kali ke-25 dan berlangsung selama 10 hari bermula pada 24 Mei sehingga 2 Jun 2024 anjuran KPKT melalui JLN dengan kerjasama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim berkenan menyempurnakan perasmian HLN 2024 di Taman Tasik Shah Alam, Selangor. Turut hadir Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Aiman Athirah Sabu dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari. 

Afdlin terjemah skrip Papadom ke novel

PERANAN dan tanggungjawab seorang bapa bukannya satu kerja mudah. Penuh dengan ranjau, onak dan durinya.

Turut memikul tanggungjawab sebagai ketua keluarga, bukanlah satu perkara mudah bagi kaum bapa. Mereka sebenarnya mempunyai banyak tanggungjawab dalam memimpin sebuah keluarga yang harmoni.

Susulan daripada itu, berilhamkan filem Papadom bergenre komedi drama yang ditayangkan pada 2009, **Datuk Afdlin Shauki** kini muncul dengan novel Papadom.

Afdlin yang juga pelakon serta penulis skrip mahu berkongsi 'rasa' Papadom tersebut dengan seluruh rakyat Malaysia yang mungkin terlupa jasa seorang hero dalam kehidupan kita semua.

"Cerita Papadom ni saya tulis kerana sebagai seorang ayah ada rasa kesal dalam diri saya kerana tak dapat menjadi ayah yang terbaik dan saya mula berfikir tentang ciri-ciri ayah yang terbaik yang saya mahukan.

"Watak Saadom (dalam filem Papadom) melambangkan kebanyakan bapa di dunia ini yang mempunyai dilema yang sama.

"Bapa yang menyayangi keluarganya dan hendak memberikan kehidupan yang baik kepada keluarganya. Jadi dia bekerja keras untuk keluarga sehingga tak dapat meluangkan masa bersama keluarga yang dicintainya itu," katanya.



Menurut Afdlin menerusi sinopsis novel tersebut, situasi atau dilema itu menjadi antara punca berlakunya ketidakseimbangan dalam sesebuah keluarga sehinggalah satu masa yang mengubah segala-galanya.

"Tiadanya keseimbangan dalam kehidupan adalah antara sebab utama

permasalahan dalam keluarga. Selalunya manusia berubah bila ada satu insiden besar yang menyentak kehidupan mereka.

"Sewaktu bermain *scrabble* dengan isteriku, aku melihat raut wajahnya dan bertanya pada diri ini, kalau sesuatu berlaku pada dirinya apakah aku mampu untuk mengambil alih tugasan beliau sebagai ibu kepada anak-anakku.


"Mampukah aku mencari rezeki dan memberi kasih sayang serta jagaan seperti isteriku? Persoalan itulah yang mencetus idea bagi naskhahku Papadom.

"Sebagai ibu bapa, kita tak dilahirkan dengan buku manual bagaimana nak menjadi ibu bapa yang baik, akan tetapi, kita kena percaya yang Allah SWT akan sentiasa ada bersama kita dan memberi pengajaran yang terbaik bagi diri kita.

"Kita mesti berani melangkah masuk ke alam Papadom dan hadapi segala dugaan dan cabaran-Nya. Semoga buku ini memberi manfaat kepada bapa-bapa, ibu-ibu untuk mengenali perangai bapa-bapa dan untuk anak-anak, agar mereka tahu yang walau apa pun berlaku mereka adalah permata yang tak ternilai di hati bapa mereka," tambahnya lagi.

Istimewa buat semua peminat, Afdlin akan melancarkan novelnya Papadom secara rasmi di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur pada 1 Jun ini di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTC).

Orang ramai dijemput hadir!



PESTA BUKU ANTARABANGSA
KUALA LUMPUR
INTERNATIONAL BOOKFAIR
2024

Eksklusif di
reruai

HL20A

ARAS 2, WTC KL

24 MEI - 2 JUN 2024
10:00 AM - 10:00 PM

Kadar sewa rumah meningkat

Rakyat lega PPR Tanjung Aru bakal siap

KHAIRUL IDIN

PROJEK Perumahan Rakyat (PPR) di Jalan Batu Arang, Tanjung Aru yang dijangka siap penghujung tahun ini bakal menamatkan penantian golongan berpendapatan rendah memiliki kediaman yang lebih selesa.

Menurut peniaga, **Harifah Mustarih**, beliau menyifatkan PPR itu mampu membantu mereka yang selama ini tidak berkemampuan namun terpaksa menyewa di kawasan sekitar yang semakin mahal.

“Kadar sewa rumah di Labuan amat tinggi dan jika dibandingkan dengan tempat lain ia seperti kadar sewa di kawasan bandar utama iaitu di kawasan bandar atau kampung sekitar RM1,000 hingga RM3,000 sebulan dan itu amat membebankan kepada mereka yang tidak berkemampuan.

“Dengan kadar sewa yang tinggi, pendapatan yang rendah sudah pasti pilihan yang ada hanya dengan menyewa sebuah bilik sahaja,” ketika ditemui WilayahKu, baru-baru ini.

Harifah turut berharap agar Perbadanan Labuan dapat membuat pemilihan yang teliti dan memberikan keutamaan kepada golongan yang memerlukan rumah berkenaan.

“Bagi saya dengan adanya perumahan ini sudah tentunya baik kepada masyarakat di sini. Kita berharap ia menjadi sinar baharu kepada masyarakat di sini

untuk mendapatkan kehidupan yang lebih selesa,” katanya.

Bagi **Aini Julai**, beliau bersama suaminya sudah memohon rumah PPR itu sejak dibuka awal tahun lalu, namun sehingga kini belum menerima sebarang keputusan sama ada permohonannya diterima atau sebaliknya.

“Sekarang ini saya sekeluarga terpaksa menyewa di rumah kawasan kampung dengan sewa RM900 sebulan. Untuk menampung sewa sahaja kami terpaksa berjimat-cermat dalam perbelanjaan.

“Dahulu saya hanya suri rumah sahaja, namun selepas keadaan ekonomi keluarga yang agak teruk maka saya memutuskan

untuk bekerja demi memenuhi keperluan hidup kami anak beranak seperti tempat berteduh,” katanya.

Tambahnya, dia dan suaminya yang merupakan pekerja pembersihan hanya mampu meraih pendapatan sekitar

RM3,000 sebulan amat memerlukan rumah seperti itu bagi meringankan beban mereka.

“Jika saya menerima PPR ini nanti, ia pasti mengurangkan beban kerana kadar sewanya berpatutan manakala wang lebih boleh digunakan untuk perbelanjaan lain seperti untuk anak-anak,” katanya.

Aini berkata dia telah melepasi semua syarat yang diperlukan ketika membuat permohonan



HARIFAH



AINI



ZALIHA (tiga dari kanan) ketika melawat PPR Batu Arang di Kampung Tanjung Aru pada lawatannya baru baru ini.

menyewa PPR dan berharap agar diluluskan sekali gus dapat mengurangkan perbelanjaan bulanan yang kian meningkat.

Terdahulu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa memaklumkan pembinaan projek tersebut bernilai RM112 juta itu bakal siap sepenuhnya pada

penghujung tahun ini.

“Untuk PPR Batu Arang, ia mempunyai 500 unit rumah kediaman dengan dua blok 13 tingkat bakal menempatkan warga Labuan yang layak serta dilengkapi dengan kemudahan tadika, dewan orang ramai, surau dan taman permainan,” katanya semasa mengadakan lawatan ke

tapak PPR itu, baru-baru ini.

Pada masa sama, beliau turut mengarahkan PL untuk meneliti dasar dan syarat kelayakan bersama-sama Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi memastikan projek ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk. 📌

HFMD naik lebih 50 peratus

SEBANYAK 444 kes Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD) telah dicatatkan dengan didaftarkan antara 12 wabak sehingga Minggu Epidemiologi (ME) ke-20.

Menurut Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) Labuan, **Dr Mohd Zaki Ab Hamid**, jumlah jelas menunjukkan peningkatan sebanyak 53.1 peratus berbanding pada tahun 2023 bagi tempoh yang sama berbanding tahun ini.

Katanya, golongan kanak-kanak merupakan golongan berisiko tinggi dijangkiti penularan wabak tersebut susulan HFMD

itu mudah merebak menerusi sentuhan langsung permukaan, alat permainan yang tercemar dengan virus tersebut.

“Bagi memastikan golongan kanak-kanak khususnya semasa

berada di sekolah, taska dan pusat jagaan, pihak kami akan memastikan pihak sekolah atau pengusaha menjalankan pembersihan secara kerap untuk memastikan persekitaran dan barangan tidak tercemar dengan sebarang virus.

“Selain itu, pihak kami sentiasa membuat hebahan dan promosi tentang wabak ini kepada mereka agar mereka peka dengan bahayanya wabak HFMD ini jika

ianya merebak,” katanya kepada WilayahKu, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Mohd Zaki memaklumkan pihaknya turut merekodkan sebanyak lebih 50 kes demam campak dengan empat wabak diisytiharkan di Labuan pada tahun ini.

“Tahun ini amat jelas peningkatan kes bagi demam campak ini yang mana ia lebih membabitkan di lokaliti yang terdiri oleh warga asing dan ia telah merebak kepada penduduk tempatan di kampung sekitar.

“Kami menasihati kepada semua penduduk di Labuan jika anak mereka mengalami gejala wabak itu perlu segera mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan agar wabak itu dapat dibendung,” katanya. 📌



PETUGAS Kesihatan melakukan pemeriksaan murid-murid tadika.



MOHD ZAKI

Sambutan Hari Raya Aidiladha

PPj tawar enam lokasi ibadah korban

SABRINA SABRE

MENJELANG sambutan Hari Raya Aidiladha yang bakal tiba, permohonan ibadah korban telah mula dibuka bagi pelaksanaannya di Putrajaya.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, aktiviti ibadah korban yang dilaksanakan di Putrajaya itu mengikut Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Korban Bil 2/2013 Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban Bil 1 Tahun 2013 Jabatan Perkhidmatan Veterinar di mana satu kaedah aktiviti ibadah korban yang telah dipersetujui bersama sejak tahun 2020.

“Prosedur operasi standard yang diwujudkan tersebut adalah bagi mengawal aktiviti ibadah korban agar tidak menjejaskan persekitaran, struktur dan landskap di Putrajaya.

“Selain itu, ia akan menjadi kaedah yang spesifik dan komprehensif kepada pihak

pengurusan yang menjalankan ibadah korban dan memudahkan petugas untuk mengawal selia aktiviti sembelihan agar lebih teratur dan bersih selain mengambil kira aspek keselamatan makanan serta keperluan bagi ternakan korban yang terlibat,” ujar beliau.

Fadlun berkata kumpulan sasaran program melibatkan komuniti masjid dan surau, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO).

“Sebanyak enam lokasi simpanan, sembelihan dan pelupusan sisa pepejal ternakan ibadah korban telah ditentukan oleh PPj.

“Ia melibatkan enam presint iaitu di Presint 5 (berhampiran Kementerian Pengajian Tinggi); Presint 7 (Tapak MyFarm); Presint 9 (Depoh PPj); Presint 11 (berhampiran Pejabat Kesihatan Putrajaya), Presint 14 (Taman Rimba Alam) dan Presint 18

(berhampiran Pangsapuri 18R10),” ujarnya.

Beliau berkata lokasi yang ditetapkan adalah berdasarkan kesesuaian untuk menjadi tempat simpanan sementara haiwan korban, tapak penyembelihan dan mudah bagi pengurusan sisa pepejal serta cecair haiwan.

“Permohonan dibuka bermula 20 Mei hingga 10 Jun 2024 dengan tempoh kelulusan selewat-lewatnya 48 jam masa bekerja.

“Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang secara atas talian dengan mengimbas QR di laman sesawang www.ppj.gov.my dan media sosial PPj.

“Borang juga boleh didapati di Bahagian Kesihatan Persekitaran, Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj,” ujarnya.

Mengikut rekod, sebanyak 22 kelulusan telah dikeluarkan pada tahun 2023 dan dijangka akan meningkat kepada lebih 30 kelulusan pada tahun ini. 



AKTIVITI korban merupakan salah satu mekanisme mengeratkan silaturahim.

Ekspedisi saintifik enam bulan di Taman Rimba Alam

SERAMAI 92 orang peserta terdiri daripada 11 kumpulan pengkaji terlibat dalam Ekspedisi Sainifik Biodiversiti Taman Rimba Alam Putrajaya.

Ia melibatkan enam agensi iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan NEST Society Malaysia.

Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud** berkata kesemua kumpulan pengkaji akan menjalankan kerja-kerja ekspedisi selama enam bulan di dalam Taman Rimba Alam (TRA) merangkumi pelbagai bidang kajian yang berkaitan tumbuhan, kulat, serangga, alga, amfibia, burung, reptilia dan mamalia bermula 21 Mei hingga 20 November 2024.

“Penganjuran ekspedisi saintifik ini bertujuan untuk melihat dan menentukan keberkesanan pembangunan TRA berasaskan model hutan buatan melalui penilaian dan pengumpulan data-data maklumat flora dan fauna yang terdapat di taman tersebut sebagai panduan keberkesanan dan kelestariannya.

“Rekod dan pendokumentasian data-data flora fauna yang diperoleh di TRA akan dijadikan sebagai rujukan kepada PPj untuk perancangan dan pelan tindakan pada masa akan datang.

“Selain itu, ekspedisi ini juga dilaksanakan bagi membuka peluang kepada penyelidik serta pengkaji



FADLUN (tiga kanan) ketika Majlis Pelancaran Ekspedisi Biodiversiti Taman Rimba Alam.

flora dan fauna untuk menjadikan TRA sebagai lokasi kawasan kajian setelah lebih 20 tahun ia dibangunkan dan dibuka kepada awam,” ujar beliau.

Menurut Fadlun, PPj sentiasa memacu usaha dan komited dalam memastikan Putrajaya menjadi sebuah bandar raya pentadbiran yang mampan dan bertaraf dunia melalui kualiti perkhidmatan terbaik serta pembangunan yang bersepadu dan terancang termasuk dalam memperkukuhkan kedudukan

TRA ke peringkat yang lebih baik.

“Saya berharap TRA akan terus dipelihara dan dipulihara (*conserve and preserve*) agar khazanah warisan flora dan fauna yang tidak ternilai ini dapat diwarisi oleh generasi masa hadapan.

“TRA mempunyai keluasan sebanyak 165 hektar serta terletak di antara Presint 14 dan 15 Putrajaya yang menempatkan kepelbagaian spesies hutan hujan tropika yang mana sebahagian besar hutan adalah daripada

spesies pokok hutan tanah pamah dipterokap.

“Taman ini berkonsepkan hutan bandar dengan menggabungkan ekosistem hutan tropika, sungai yang mengalir, denai alam semula jadi, kawasan pemandangan dan sebagainya,” ujarnya.

Lebih menarik, beliau berkata di taman yang menerima jolokan sebagai Khazanah Alam Putrajaya itu, para pengunjung berpeluang mengenali lebih 400 spesies pokok hutan teal dengan jumlah pokok

yang telah ditanam melebihi 95,000 batang pokok.

“Pelbagai aktiviti rekreasi boleh dilakukan di sini seperti berjoging, brisk walk, berbasikal, *treasure hunt*, *orienteering*, lawatan berpandu, aktiviti memerhati burung, berkelah dan aktiviti penghayatan alam semula jadi.

“Terdapat empat laluan jelajah yang telah disediakan kepada pengunjung di TRA. Pengunjung yang melalui laluan tersebut akan dapat menghayati keindahan pelbagai spesies pokok-pokok hutan hujan tropika yang terdiri daripada cengal, meranti merah dan buah-buahan asli tempatan,” tambahnya.

Selain itu, Fadlun berkata pengunjung bukan sahaja dapat menghayati suasana hutan hujan tropika malah mereka juga diberi pendedahan dengan nama-nama pokok terdiri daripada pelbagai spesies yang terdapat di taman tersebut.

“Antara kemudahan yang disediakan di taman ini kepada pengunjung adalah pavilion sebagai tempat berkumpul, tandas awam, kemudahan tempat letak kereta, tong sampah, papan tanda informasi, peta laluan, tempat duduk dan sebagainya.

“Dalam masa sama, tempahan sewaan tapak bagi penganjuran program dan aktiviti turut dibuka kepada orang ramai,” ujar beliau.

TRA Presint 15, Putrajaya yang telah dibangunkan pada tahun 1999 adalah merupakan sebuah hutan tropika buatan manusia (*man-made forest*) hutan dipterokap tanah pamah. 

Rancang jalani latihan di luar negara

Skuad hoki damba program latihan MSN

SABRINA SABRE

SKUAD hoki dalam dewan lelaki negara berharap kejayaan bersejarah layak ke Piala Dunia 2025 di Croatia dapat membuka jalan bagi mereka untuk disenaraikan ke dalam program latihan di bawah Majlis Sukan Negara (MSN).

Ketua pasukan, **Muhammad Najmi Farizal Jazlan** berkata kemasukan mereka ke dalam program berkenaan penting bagi membantu skuad kebangsaan menjalani persediaan lebih rapi sebelum berjuang buat julung kali di pentas Piala Dunia tahun depan.

"Kita memang memerlukan sokongan sepenuhnya bukan sahaja daripada MSN, malah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta Institut Sukan Negara (ISN) untuk membantu menyediakan program berterusan sehingga ke Piala Dunia termasuk diberi pendedahan dalam lebih banyak perlawanan antarabangsa selepas ini.

"Terdapat juga rancangan untuk menjalani latihan di luar negara seperti Afrika Selatan mahupun di Eropah menjelang Piala Dunia



SKUAD hoki dalam dewan negara mengesahkan tempat ke Piala Dunia 2025 selepas muncul naib juara di Piala Asia 2024.

2025 namun kami perlukan dana, mungkin menerusi peruntukan daripada kerajaan," ujarnya.

Walaupun berjaya layak ke

Piala Dunia, tonggak pertahanan itu mengakui terkilang kerana tidak dapat mempertahankan kejuaraan Piala Asia selepas tumpas kepada

Iran 1-7, pada edisi 2024 yang berakhir Sabtu lalu.

Sementara itu, ketua jurulatih skuad hoki dalam dewan lelaki

negara, Mohd Rodzhanizam Mat Radzi berharap anak buahnya dapat menjalani latihan di tempat baharu berbanding sesi dijalankan di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Sentul sebelum ini.

"Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) telah mengenal pasti beberapa tempat di sekitar Lembah Klang untuk dijadikan pusat latihan baharu dengan fasiliti yang lebih lengkap buat skuad kebangsaan.

"Pada masa sama pasukan wajar diberi insentif susulan pencapaian membanggakan meraih slot automatik ke Piala Dunia 2025 yang dijadual berlangsung di Porec dari 3 hingga 9 Februari depan," ujar beliau.

Pada pusingan pertama Piala Asia 2024, Malaysia yang diletakkan dalam Kumpulan B membelasah Oman 10-2 Selasa lepas, diikuti seri 3-3 dengan tuan rumah Kazakhstan dan mengesahkan kemaraan ke pusingan kedua dengan mengatasi juara Sukan SEA 2023, Indonesia, 5-4 pada Rabu.

Belum mahu tekan butang panik

WALAUPUN dihipit isu kecederaan seorang demi seorang pemain tonggak, pengendali skuad Harimau Malaya, **Kim Pan Gon** kekal optimis menyediakan barisan pemain berkualiti bagi menghadapi baki dua perlawanan Kumpulan D, pusingan kedua Kelayakan Piala Dunia 2026/ Piala Asia 2027 menentang Kyrgyzstan dan Taiwan, bulan hadapan.

Menurut Pan Gon, beliau tidak mahu terlalu memikirkan perkara tersebut sebaliknya ingin lebih fokus kepada pemilihan pemain lain yang mampu menggalas cabaran membawa pasukan negara melangkah ke peringkat seterusnya dalam saingan tersebut.

Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) sebelum ini mengumumkan senarai nama 23 pemain bagi menyertai kem latihan pusat bermula 28 Mei lalu, menyaksikan tonggak utama seperti pemain sayap masing-masing Arif Aiman Mohd Hanapi dan Mohamad Faisal Abdul Halim serta penyerang Romel Morales diketepikan berikutan masalah kecederaan.

"Ia satu masalah besar dengan kes berkaitan Faisal Halim, kecederaan Arif Aiman dan kecederaan buku lali Morales. Semua penyerang utama ada masalah dan ini yang kita hadapi pada ketika ini, tetapi kita masih ada pemain lain.

"Saya percaya kesemua pemain mempunyai kualiti yang sama, mungkin mereka mempunyai motivasi yang lebih dan ini masa



PAN GON perlu merangka strategi terbaik dalam aksi kelayakan Piala Dunia 2026/ Piala Asia 2027.

mereka untuk buktikannya. Bagaimanapun kita akan cuba mencari pilihan terbaik dan percaturan untuk persediaan kepada perlawanan itu," ujar beliau.

Terdahulu, isu kecederaan pemain terus berlarutan selepas seorang lagi tonggak Syafiq Ahmad, juga terpaksa digugurkan daripada senarai apabila mengalami kecederaan seperti dimaklum FAM Pan Gon bagaimanapun memanggil pemain Kuala Lumpur City FC, Zhafri Yahya untuk mengisi kekosongan pemain Kedah Darul Aman FC itu.

Selepas empat perlawanan, Malaysia yang berada di posisi ketiga Kumpulan D dengan enam mata akan menentang Kyrgyzstan di Stadium Dolen Omurzakov, Bishkek pada 6 Jun sebelum

bertemu Taiwan pada aksi terakhir di Stadium Nasional, Bukit Jalil di sini pada 11 Jun.

Kyrgyzstan kini menerajui saingan Kumpulan D diikuti Oman di tempat kedua dengan masing-masing mengumpul sembilan mata.

Kedua-dua pasukan itu akan bertemu dalam perlawanan terakhir kumpulan pada 11 Jun, sementara Taiwan tercorot tanpa sebarang mata.

Pasukan negara memerlukan tiga mata dalam kedua-dua perlawanan terakhir, sambil mengharapakan Oman menumpaskan Kyrgyzstan untuk mencerahkan peluang mencipta sejarah layak ke pusingan ketiga Kelayakan Piala Dunia 2026 serta melayakkan diri lebih awal ke Piala Asia 2027.

Yakin kemampuan skuad badminton

KETUA Kontinjen (CDM) negara ke Sukan Olimpik Paris 2024, Datuk Hamidin Mohd Amin yakin dengan kemampuan skuad badminton untuk membawa pulang pingat daripada temasya terbesar dunia yang berlangsung dari 26 Julai hingga 11 Ogos ini.

Beliau berkata wakil negara masih berada dalam posisi untuk pergi jauh di Paris 2024, namun menegaskan bahawa undian untuk Olimpik yang bakal diadakan pada 12 Julai ini akan memainkan peranan yang penting dalam menentukan nasib pemain negara sama ada mendapat laluan mudah atau sukar bagi mencabar pingat.

"Undian nanti mustahak, tidak kira bagi acara perseorangan atau beregu. Pemain kita seperti Aaron Chia-Soh Wooi Yik (beregu lelaki), Pearly Tan-M. Thinaah (beregu wanita) dan Chen Tang Jie-Toh Ee Wei (beregu campuran) pernah mengejutkan pemain di ranking utama dunia untuk meletakkan harapan.

"Pemain yang muncul juara sekarang tidak semestinya pergi jauh, jadi pemain kita kena terus

berlatih sehingga Olimpik nanti. Bagi perseorangan lelaki, Lee Zii Jia yang bagus-bagus beliau sedang bangkit dengan baik sekarang, cuma mengalami kecederaan ringan (kejang) ketika Masters Malaysia 2024," ujar beliau.

Pada saingan Masters Malaysia bertaraf Super 500 yang berlangsung dari 21 hingga 26 Mei, pemain profesional, Lee Zii Jia merupakan satu-satunya wakil negara yang telah layak ke Olimpik mampu mara sehingga perlawanan akhir, sebelum tewas kepada Viktor Axelsen.

Sementara itu, berbaki kurang dua bulan lagi untuk Olimpik, Hamidin menasihatkan semua atlet negara yang telah melayakkan diri supaya menjaga keselamatan dan kesihatan untuk berada pada tahap prestasi tertinggi demi membawa cabaran negara.

Beliau turut menasihatkan atlet supaya menjauhi media sosial sekiranya pemain mereka tidak kuat untuk menerima kritikan dan tekanan daripada peminat dan rakyat yang mengharapkan emas pertama negara di Paris nanti.

Media sosial bukan medan serangan

GEJALA buli siber bukanlah sesuatu yang baharu atau asing dalam masyarakat. Kecaman, komen yang keterlaluan, ugutan, mengejek fizikal (*body shaming*) seolah-olah sudah menjadi lumrah. Mungkin ramai yang tidak

sedar, hakikatnya buli siber sangat berbahaya kerana mampu memusnahkan hubungan. Malah terdapat segelintir mangsa yang sanggup membunuh diri disebabkan terlalu stres akibat dibuli. Golongan selebriti misalnya antara yang tidak terlepas

daripada menjadi mangsa serangan peribadi antaranya Datuk Seri Rossa, Iman Troye dan penyampai radio, DJ Lin. Ikuti luahan para selebriti bersama wartawan **DEEL ANJER** bagaimana cara mereka menanganai gejala buli siber yang semakin berleluasa ketika ini.

Ibu bapa Iman Troye diugut bunuh



PELANTUN lagu Harum Sundal Malam, **Iman Troye** atau nama sebenarnya Siti Nur Alyssa Sahabudin, 21, dia sering menjadi mangsa buli siber. Menurut Iman walaupun menerima pelbagai kecaman yang sangat menguji mentalnya, namun dia tidak sanggup apabila ada yang mengugut mahu membunuh ibu bapanya. "Sebenarnya macam-macam komen negatif yang saya terima. Itu salah satu yang sangat keterlaluan. Memanglah geram namun jika selepas ini masih

berterusan, saya akan buat laporan polis," ujarnya.

Berbeza dengan sesetengah artis lain yang mengelak untuk membaca komen, lain pula baginya yang gemar mengetahui apa yang diperkatakan netizen terhadapnya.

"Saya seorang yang sangat suka baca komen-komen dalam media sosial serta DM (*direct message*) kepada saya. Apa sahaja *posting* mengenai saya dan rakan-rakan dalam industri pun saya minat untuk baca.

"Mungkin sesetengah orang tak boleh terima komen-komen negatif netizen. Macam saya masih boleh baca komen-komen, tapi saya tetap ada had. Iyalah, saya pun ada hati dan perasaan.

"Namun apabila saya rasa tak boleh nak kawal emosi, saya berhenti membacanya. Walaupun begitu, saya akan ambil setiap komen yang baik mahupun negatif sebagai motivasi untuk diri.

"Kadang-kadang saya beruntung apabila masih ada orang lagi yang ambil tahu dan menegur kesalahan saya. Semua yang berlaku saya ambil pendekatan secara positif," ujarnya.



Percaya kemanisan di sebalik ujian

DJ Lin atau nama sebenarnya Roslinda Abdul Majid mengakui dirinya bukan robot kerana dia mempunyai hati dan perasaan. Malah kadangkala berasa lemah apabila mentalnya sering dibuli.

"Tipulah kalau cakap komen-komen negatif atau kecaman keterlaluan tidak memberi kesan kepada mental saya. Sudah tentu ia sangat mengganggu fikiran saya kerana kita manusia biasa.

"Namun, saya anggap ini adalah satu proses untuk memantapkan mental fizikal saya. Cuma, kalau mahu menghukum, biarlah siasat dan ada fakta yang benar.

"Walaupun dilemparkan dengan kata-kata nista dan memberi kesan kepada kesihatan mental, saya percaya ada hikmah di sebalik semua yang terjadi.

"Saya berdoa kepada Allah, saya reda dan terima jika ujian ini untuk mematangkan selepas melakukan penghijrahan. Saya terima apa sahaja ketentuan dan

kuat demi lebih 50 anak buah saya di Suria FM," ujarnya.

Dia turut percaya terdapat kemanisan yang bakal menunggu di sebalik dugaan yang dilalui selama ini lebih-lebih sebagai ibu tunggal sejak 17 tahun lalu dia perlu sentiasa kuat.

DJ Lin yang juga Pengurus Besar Suria FM berkata kecaman terhebat yang pernah dihadapinya adalah isu kontroversi penamatan kontrak seorang penyampai radio.

"Itulah kecaman terhebat yang pernah saya alami. Satu Malaysia bercakap tentang itu. Selama 25 tahun dalam industri radio, saya kekalkan rekod cemerlang bersama 13 anugerah besar. Saya bina jenama DJ Lin dari kosong sejak 1999.

"Namun disebabkan isu itu, setiap hari saya dilemparkan cacian serta tohmahan yang sangat pahit. Sukar nak gambarkan betapa sedihnya saya ketika itu.

"Saya tak boleh salahkan netizen sebab mereka tak tahu

apa yang berlaku. Tapi, saya tak mahu anak-anak diserang.

"Anak saya tak bersalah. Nak kecam DJ Lin, kecamlah, tetapi jangan sentuh anak-anak saya dan jangan hukum mereka tanpa asas. Mereka manusia biasa, ada hati, emosi dan perasaan.

"Saya tak tahu apa hikmahnya, tapi saya sangat percaya netizen yang hentam saya, yang gelar saya dengan pelbagai panggilan yang tak boleh diterima, akan menyedari kenyataan tetap kenyataan," tambahnya.



Buli siber rosak persahabatan

BARU-BARU ini kecoh apabila terdapat sebahagian pempengaruh media sosial dari Indonesia yang memburuk-burukkan nama Malaysia kepada pihak luar.

Penyanyi terkenal dari negara seberang, **Datuk Seri Rossa** agak terkilan dengan situasi tersebut kerana ia boleh mengganggu hubungan harmoni yang sudah lama terjalin antara kedua-dua negara.

Menurut Rossa, dalam dunia media sosial hari ini, ramai yang tidak mementingkan soal pendidikan serta hilang rasa hormat terhadap orang lain.

"Itu selalu ada ya. Ada saja yang terlebih (komen-komen negatif). Kalau ada hal seperti itu yang boleh mengganggu emosi, *block* saja atau buat *report*. Ini kerana ia boleh mengganggu persahabatan dan kenyamanan kita semua.

"Jangan sampai komen-komen yang tidak baik itu akan mempengaruhi persahabatan

yang telah terjalin antara Malaysia dan Indonesia," katanya.

Dalam masa yang sama, Rossa juga berharap agar pengguna media sosial menyekat akaun mereka yang gemar mengamalkan buli siber.

"Apabila mereka menyentuh hal-hal yang tidak baik, kita sebagai pengguna media sosial jangan ragu-ragu untuk *unfollow* mereka.

"Hargailah persahabatan yang telah lama terjalin antara Malaysia dan Indonesia. Ramai rakan-rakan saya yang datang ke Malaysia untuk menikmati makanan dan pengalaman yang cukup berbeza dari Indonesia," ujarnya.

Rossa ditemui pada sidang media konsert Divas & Diamonds 2024 anjuran Syarikat Mega Eve Sdn Bhd yang akan menggabungkannya bersama Datuk Jamal Abdillah, Dayang Nurfaizah pada 7 September ini di Arena Larkin, Johor Bahru.



WILAYAHKU

● BIL 264 ● 31 MEI - 6 JUN 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)



Elak pertelingkahan pada masa hadapan

Fahami pengurusan harta sebaiknya

SYED HAZIQUE

HARTA mengikut definisi Dewan Bahasa dan Pustaka adalah sesuatu barang-barang berharga seperti rumah, tanah, barangan kemas dan sebagainya yang dipunyai oleh seseorang (syarikat, pertubuhan dan lain-lain).

Pengurusan harta adalah perkara yang amat penting bagi mengelakkan sebarang pertelingkahan pada masa hadapan akibat tidak menguruskan harta dengan sempurna.

Umum sedia maklum terdapat pelbagai cara yang berkesan dalam aspek pengurusan harta terutamanya bagi golongan beragama Islam.

Walau bagaimanapun, sukar untuk diterima realiti masa kini kerana masih ramai dalam kalangan masyarakat kita yang masih keliru ataupun memandang ringan mengenai pengurusan harta.

Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM, **Dr Mohd Hapiz Mahaiyadin** berkata hibah, wasiat dan faraid, ketiga-tiga kaedah ini adalah aspek penting dalam pengurusan harta pusaka menurut ajaran Islam.

Menurutnya, penggunaan ketiga-tiga kaedah ini adalah ketetapan yang diperintahkan oleh Allah SWT supaya manusia

menjadikan ia sebagai panduan dalam menguruskan harta dunia.

“Hibah adalah pemberian harta yang dilakukan semasa seseorang masih hidup, sementara wasiat dan faraid merupakan pembahagian harta setelah seseorang itu meninggal dunia.

“Walaupun mempunyai perbezaan dari segi maksud, rukun dan syaratnya, namun ketiga-tiga kaedah itu saling melengkapi selain memenuhi keadilan bagi setiap anggota sesebuah keluarga,” katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Tambahnya, Islam menetapkan kaedah faraid kepada waris yang layak menerima harta pusaka mengikut hukum syarak setelah diuruskan jenazah si mati, dilunaskan hutang (hutang dengan Allah (zakat, haji, fidyah dan kaffarah) dan hutang dengan manusia) dan dilaksanakan wasiatnya (sekitarnya ada).

“Harta yang ditinggalkan kena lihat kepada beberapa keadaan seperti sekiranya si mati masih hidup ada membuat hibah atau hadiah atau wasiat atau wakaf atau berhutang termasuk juga kos pengebumian.

“Jadi kesemua kos itu akan ditolak terlebih dahulu pada harta si mati. Bila semuanya sudah diselesaikan, barulah harta atau baki yang ditinggalkan itu

dianggap sebagai harta pusaka yang boleh dibahagi kepada waris si mati,” ujarnya.

Menurutnya, rukun pusaka pula ada tiga iaitu si mati (orang yang diwarisi hartanya selepas kematian); waris (orang yang berhak menerima pusaka) dan harta (apa-apa kepunyaan si mati yang boleh diwarisi).

Jelasnya, terdapat beberapa cara pembahagian harta faraid yang telah ditetapkan oleh hukum syarak mengikut kepada keadaannya.

“Terdapat enam cara pembahagian iaitu 1/2, 1/3, 1/4, 2/3, 1/6, 1/8 atau 1/3 baki. Manakala bagi waris yang layak terima ialah mereka terdiri daripada isteri atau suami, ibu atau nenek, bapa atau datuk, anak perempuan atau cucu perempuan, saudara perempuan kandung, saudara perempuan sebapa dan saudara seibu,” ujarnya.

Mohd Hapiz berkata pembahagian harta yang dipanggil Asabah yang bermaksud waris yang tidak mendapat bahagian secara fardu yang ditetapkan yang mengandungi tiga jenis Asabah iaitu Asabah Bi al-Nafsi, Asabah Bi al-Ghairi serta Asabah Ma’a al-Ghairi.

Walau bagaimanapun, beliau memaklumkan terdapat juga segelintir golongan masyarakat

yang kurang faham terhadap keadilan dalam pembahagian harta faraid ini.

“Tidak dinafikan bahawa isu yang sentiasa dibangkitkan berkenaan pusaka adalah waris lelaki sering mendapat kelebihan kerana mendapat bahagian lebih banyak berbanding waris-waris wanita.

“Dakwaan tersebut dibuat kerana kurangnya kefahaman terhadap syariat Islam secara menyeluruh yang melibatkan hak dan tanggungjawab. Mereka juga mungkin kurang memahami hikmah-hikmah di sebalik pensyariatan faraid ini.

“Bahagian lebih banyak yang diberikan kepada lelaki datang dengan tanggungjawab besar. Ini kerana, lelaki perlu menanggung nafkah untuk isteri, anak-anak dan kaum

kerabat lain.

“Oleh itu, wajar dan adil untuk mereka mendapat bahagian lebih banyak berasaskan tanggungjawab tersebut,” tegasnya.



**DAPATKAN AKHBAR WILAYAHKU SECARA PERCUMA
DI LEBIH 500 LOKASI TERPILIH
DI KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA DAN LABUAN**

BERIKUT ANTARA LOKASI EDARAN AKHBAR WILAYAHKU:

KUALA LUMPUR - JALAN MAHARAJALELA / KL SENTRAL: DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA ■ IBU PEJABAT BOMBA WILAYAH ■ SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD ■ KL SENTRAL ■ MIDA ■ JALAN CENDERASARI ■ KLINIK KESIHATAN TANGLIN ■ JABATAN KESIHATAN WILAYAH ■ JALAN RAJA LAUT: PEJABAT TANAH DAN GALIAN ■ KWSP JALAN RAJA LAUT ■ JALAN PAHANG: RUMAH PRIHATIN @ GRANDSEASONS ■ JALAN MASJID INDIA: PT10 BUSINESS CENTRE ■ KAMPUNG BARU: YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ KAMPUNG BARU: PASARAYA ANGKASA ■ KEDAI RUNCIT MJ STORE ONE ■ KEDAI RUNCIT HAIRUL ZNZ ■ SABASUN HYPERUNCIT ■ PASAR MINI MEULUR SEJAHTERA ENTERPRISE ■ RESTORAN NASI LEMAK ANTARABANGSA ■ MINI CAFÉ URS ONE ENTERPRISE ■ WARUNG ISTANA MAJU ■ KEDAI RUNCIT STABLE KIOSK ■ WARUNG 19 ■ WARUNG NASI LEMAK WANJO ■ 7ELEVEN JALAN RAJA ALANG ■ KEDAI RUNCIT HARAPAN ABAB ENTERPRISE ■ KEDAI RUNCIT SINAR MAJU ■ 7ELEVEN STESAN LRT ■ JALAN TUN RAZAK: INSTITUT JANTUNG NEGARA ■ HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR ■ KLINIK KESIHATAN KUALA LUMPUR ■ PUSAT DARAH NEGARA ■ BERNAMA ■
PUTRAJAYA - PRESINT 1: MASJID PUTRAJAYA ■ PEJABAT PERDANA MENTERI ■ JABATAN AUDIT NEGARA ■ KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA ■ KEMENTERIAN ALAM SEKITAR & AIR ■ BIRO BANTUAN GUAMAN ■ SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM ■ KEM PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI ■ JPM - PENGURUSAN HARTANAH ■ JABATAN KERJARAYA WILAYAH PERSEKUTUAN ■ PLAN MALAYSIA ■ JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA ■ KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA ■ KKM - PENGURUSAN PERUBATAN & PENYAKIT BERJANGKIT ■ KKM - KEJURUTERAAN ■ KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ■ BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN ■ BAHAGIAN TEKNIKAL & VOKASIONAL ■ LEMBAGA PERPERIKSAAN MALAYSIA ■ IKATAN RELAWAN RAKYAT ■ KEMENTERIAN DALAM NEGERI ■ KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA ■ JABATAN PERKHIDMATAN AWAM ■ KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI & INOVASI ■ SURUHANJAYA PEKHIDMATAN PERGURUAN ■ JABATAN DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA ■ JABATAN WAKAF, ZAKAT & Haji ■ JABATAN KERJARAYA - URUSAN BANGUNAN ■
PRESINT 2: KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ JABATAN AKAUNTAN NEGARA ■
LABUAN: PINTU KELUAR AIRPORT ■ SAVEMORE SUPERMARKET ■ BATARAS HYPERMARKET ■ LABUAN GOLF INTERNATIONAL CLUB ■ SUPERMARKET LAYANGAN ■ FAMILY MARKET ■ MUZIUM CHIMNEY ■ PALM BEACH RESORT ■ MASJID AN NUR LAYANGAN ■ AIFA HOTEL ■ HOTEL PULAU LABUAN ■ TIARA HOTEL ■ HOTEL LABUAN POINT ■ LAZENDA HOTEL ■ MOTAC (SEASPORT KOMPLEKS) ■ KOMPLEKS KOMUNIKASI MULTIMEDIA MALAYSIA ■ HOSPITAL LAMA ■ BETA APARTMENT ■ LOBBY LFSA ■ LOBBY BLOK KERAJAAN ■ DORSETT HOTEL ■ IBU PEJABAT POLIS LABUAN ■ MASJID NURUL IMAN ■ PASAR SENTRAL (UTC) ■ MENARA PL ■ MASJID NUR IMAN ■ WISMA PL BLOK A ■ WISMA PL BLOK B ■ PEJABAT KPE ■ TERMINAL LDA ■ KASTAM ■ JPJ ■ JABATAN AIR ■ SESB ■ IBU PEJABAT BOMBA RANCHA-RANCHA ■ MUZIUM BANDAR ■ MASJID SULTAN MUHAMMAD V ■ BALAI BOMBA KAMPUNG JAWA ■ MASJID AN NUR (BANDAR) ■ MASJID AL FALAH ■ HOSPITAL MEMBEDAI ■ 218 JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT ■

Maklumat lanjut sila dapatkan di www.wilayahku.com.my

